Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan
Kementerian Kesihatan Malaysia

LAPORAN TAHUNAN
2004

kandungan

Perutusan Pengarah

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera

Alhamdulillah, dengan sokongan padu semua kakitangan yang bekerja bersama saya dengan penuh dedikasi, gigih serta berkeyakinan tinggi, kejayaan yang dicapai dalam tahun 2004 boleh dibanggakan.

Pengstrukturan semula organisasi secara menyeluruh yang dilakukan pada bulan Jun 2004 telah menjadikan tugas lebih fokus dan berkesan, meningkatkan perkhidmatan ke tahap yang lebih cemerlang dan gemilang. Penubuhan beberapa seksyen serta unit baru juga mencerminkan tugas yang lebih spesifik dan proses kawalan regulatori yang lebih teratur demi mengekalkan prestasi unggul.

Dalam menyahut hasrat kerajaan ke arah 'e-government' selari dengan perkembangan ICT semasa, sistem pendaftaran produk secara online yang diperkenalkan pada tahun 2002 bagi pendaftaran produk kosmetik, diperluaskan kepada pendaftaran Ubat Tradisional mulai Januari 2004. Sikap keterbukaan pihak BPFK dicerminkan oleh sikap sedia mendengar dan prihatin terhadap masalah yang dihadapi oleh pihak industri dan penyelesaian masalah dicapai menerusi dialog serta kumpulan kerja yang bergiat aktif sepanjang tahun 2004. Ucapan ribuan terima kasih kepada pihak industri yang telah bekerjasama dalam merealisasikan sistem pendaftaran secara online ini.

Salah satu kejayaan yang amat saya hargai adalah pengekalan pensijilan MS ISO 9001 versi 2000 yang diperoleh pada 13 Ogos 2003. Audit Penilaian Semula yang dijalankan oleh pihak SIRIM dalam bulan Ogos 2004 menunjukkan BPFK sememangnya serius dalam pelaksanaan sistem kualitinya, sayugia mengekalkan pengiktirafan tersebut tanpa sebarang laporan ketakakuran kepada keperluan yang ditetapkan. Pihak pengurusan amat berterima kasih kepada semua kakitangan BPFK yang melaksanakan tanggungjawab dengan amanah serta penuh dedikasi.

Dalam arena regulatori serantau dan antarabangsa, BPFK masih dan akan terus memainkan peranan aktif dalam semua aktiviti regulatori yang dianjurkan sama ada oleh WHO atau badan lain. Dalam usaha sama harmonisasi keperluan regulatori di rantau ASEAN, BPFK menerajui beberapa aktiviti utama bagi produk farmaseutikal, ubat tradisional & suplemen kesihatan dan kosmetik.

Sebagai ahli 'Pharmaceutical Inspection Cooperation Scheme', BPFK merasa bangga apabila wakil dari BPFK dijemput lagi menjadi peserta bagi program 'Joint Inspection' dalam tahun 2004 yang menunjukkan pengiktirafan sistem pemeriksaan Amalan Perkilangan Baik yang diamalkan.

Sebagai sebuah pusat kolaboratif WHO bagi kawalan regulatori produk farmaseutikal, sepanjang tahun 2004 BPFK telah terlibat dalam banyak aktiviti yang dianjurkan WHO termasuk memberi latihan kepada 'WHO fellows' dari berbagai negara.

Kejayaan demi kejayaan telah dicapai, namun BPFK terus bersikap positif untuk menjangkau lebih banyak kejayaan pada masa mendatang. Syabas diucapkan kepada semua kakitangan yang selalu bersikap ingin maju dan penghargaan kepada semua yang bertungkus lumus mengekalkan prestasi kecemerlangan BPFK.

Akhir kata, ucapan terima kasih saya tujukan kepada pihak pengurusan atasan Kementerian Kesihatan Malaysia khususnya Pengarah Perkhidmatan Farmasi atas bimbingan dan sokongan yang telah diberikan kepada BPFK sepanjang tahun 2004.

Datin Hjh. Hasiah Hj. Abdullah
PENGARAH
Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan
Kementerian Kesihatan Malaysia

struktur organisasi

BAHAGIAN PERKHIDMATAN FARMASI

Kementerian Kesihatan Malaysia

carta organisasi

BIRO PENGAWALAN FARMASEUTIKAL KEBANGSAAN

(Sebelum Jun 2004)

carta organisasi

BIRO PENGAWALAN FARMASEUTIKAL KEBANGSAAN
(Selepas Jun 2004)

PENGARAH
Y Bhg Datin Hasiah Abdullah

Unit Penyenggaraan

Unit Pentadbiran

Pusat Pendaftaran Produk
Eishah Abd. Rahman

- Seksyen Produk Generik
  Noorizam Ibrahim
- Unit Preskripsi
  Noorizam Ibrahim
- Unit Bukan Preskripsi
  Mazuwin Zainal Abidin
- Unit Veterinar
  Rohani Ismail
- Seksyen Ubat Komplementari & Kosmetik
  Saleha Md. Ewan
- Unit Produk Semulajadi
  Saleha Md Ewan
- Unit Suplemen Kesihatan
  Abdullah Hisham Ahmat Yaya
- Unit Kosmetik
  Anis Talib
- Seksyen Penyiasatan & Ubat Baru
  Fudziah Ariffin
- Unit Ubat Baru
  Fudziah Ariffin
- Unit Bioteknologi
  Arpah Abas
- Unit Penyelidikan Klinikal Regulatori
  Dr. Kamaruzaman Saleh
- Unit Koordinasi Regulatori
  Tan Lie Sie

Pusat Pasca-Pendaftaran Produk
Abida Haq Sy Md Haq

- Unit Farmakovigilans
  Abida Haq
- Unit Surveilans & Aduan Produk
  Nurhayati Omar
- Unit Variasi Farmaseutikal
  Mokhtar Abdullah
- Unit Variasi Bukan Farmaseutikal
  Kosong

Pusat Pembangunan Organisasi
Bariah Ab Rani

- Unit Sumber Manusia
  Bariah Ab Rani
- Unit Pengurusan Sistem Kualiti
  Norrehan Abdullah
- Unit Maklumat & Komunikasi
  Fuziah Abd Rashid

Pusat Amalan Perkilangan Baik
Dr. Tajuddin Akasah

- Unit Inspektorat I
  Dr. Tajuddin Akasah
- Unit Inspektorat II
  Sulaiman Ahmad
- Unit Khid. Nasihat APB
  Kadariah Mohd Ali
- Unit Siasatan APB
  Mohd Lukmani Ibrahim
- Unit Pelesenan & Pensijilan
  Wan Othman Wan Ismail

Pusat Kawalan Kualiti
Yogeswary Markandoo

- Seksyen Pengujian Kimia Farmaseutikal
  Dr.Sulaikah Moideen
- Unit Kromatografi
  Dr. Sulaikah Moideen
- Unit Prestasi Dosej
  Muhd. Nasir Hashim
- Unit Spektro/ Kimia Am
  Tan Chuan Ai
- Unit Penyelidikan Kimia
  Kosong
- Unit Piawai Rujukan
  Abdul Aziz Mansor
- Unit Perkhidmatan Makmal
  Tan Ann Ling
- Seksyen Pengujian Bio-Farmaseutikal
  Faridah Abd. Malek
- Unit Toksi/ Farmakologi
  Faridah Abd. Malek
- Unit Mikrobiologi
  Siti Madziah Mohamed
- Unit Kultur Tisu & Penyelidikan Biologi
  Kosong
- Seksyen Pengujian Produk Semulajadi
  Jaafar Lassa
- Unit Monograf Herba
  Jaafar Lassa
- Unit Penyaringan Campur-palsu
  Mazli Muhamad
- Unit Pengesanan Bahan Toksik
  Kosong

SENARAI KEDUDUKAN PERJAWATAN

Sehingga 31 Disember, 2004

JAWATAN TETAP

BIL	NAMA JAWATAN	GRED	BIL	JAWATAN	
				DIISI	KOSONG
1.	PENGARAH	VU7	1	1	0
2.	PEGAWAI FARMASI	U54	2	2	0
3.	PEGAWAI FARMASI	U52	2	0	2
4.	PEGAWAI FARMASI	U48	31	30	1
5.	PEGAWAI FARMASI	U44	4	0	4
6.	PEGAWAI FARMASI	U41	58	47	11
7.	PEMBANTU FARMASI	U38	1	0	1
8.	PEMBANTU FARMASI	U36	1	1	0
9.	PEMBANTU FARMASI	U32	8	5	3
10.	PEMBANTU FARMASI	U29	65	56	9
11.	PENOLONG PEGAWAI PERANGKAAN	N27	1	1	0
12	PEMBANTU TADBIR (P/O)	N22	1	1	0
13	PEMBANTU TADBIR (KESETIAUSAHAAN)	N22	1	1	0
14.	PEMBANTU TADBIR (KESETIAUSAHAAN)	N17	2	1	1
15.	PEMBANTU TADBIR (P/O)	N17	6	6	0
16.	PEMBANTU TADBIR (STOR)	N17	1	1	0
17.	PEMBANTU TADBIR (KEW)	W17	5	5	0
18.	PEMBANTU PERPUSTAKAAN	S17	1	1	0
19.	PEMBANTU TADBIR RENDAH (JURUTAIP)	N11	4	0	4
20.	PEMBANTU TADBIR RENDAH (OPERATOR)	N11	1	1	0
21.	OPERATOR MESIN PEMPROSESAN DATA	F11	2	2	0
22.	PENGAWALAN KESELAMATAN	KP11	3	1	2
23.	ATENDAN KESIHATAN	U3	10	9	1
24.	PEMANDU KENDERAAN BERMOTOR	R3	3	3	0
25.	PEMBANTU AM RENDAH	N1	2	2	0
	JUMLAH		**216**	**177**	**39**

JAWATAN SAMBILAN

BIL	NAMA JAWATAN	GRED	BIL	JAWATAN	
				DIISI	KOSONG
1.	PEGAWAI SAINS	C41	25	23	2
2.	PEMBANTU TADBIR	N17	6	6	0
3.	PEMBANTU AM RENDAH	N1	3	3	0
4.	PEGAWAI FARMASI PELATIH	-	16	16	-
	JUMLAH		**50**	**48**	**2**

falsafah organisasi

WAWASAN

Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan sebagai pusat kecemerlangan unggul dalam bidang regulatori farmaseutikal demi menjamin kesihatan dan kesejahteraan insan sejagat.

MISI

Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan akan memastikan kualiti, keberkesanan dan keselamatan produk farmaseutikal melalui perlaksanaan undang-undang oleh tenaga kerja yang berketerampilan dan usahasama strategik ke arah peningkatan status kesihatan rakyat.

MATLAMAT

Memastikan bahawa bahan-bahan terapeutik yang dibenarkan di pasaran tempatan adalah selamat, berkesan dan bermutu, serta menentukan bahawa kosmetik yang dibenarkan di pasaran adalah selamat dan bermutu.

STRATEGI

::
Memastikan kecekapan dan keberkesanan organisasi melalui permodenan dan automasi sistem-sistem pejabat, makmal dan pendaftaran, peninjauan serta pembaikan perkhidmatan secara regular.

::
Memperkukuhkan aktiviti penguatkuasaan undang-undang berkaitan.

::
Memastikan suasana kefahaman dua hala dan kerjasama berterusan sentiasa wujud antara pihak pengawalan dengan sektor swasta melalui sesi dialog dan bimbingan.

::
Meningkatkan potensi serta kepakaran personel.

::
Mewujudkan satu kumpulan tenaga kerja yang berdedikasi dan penuh komitmen melalui motivasi, penghargaan serta ganjaran yang berpatutan.

::
Mempergiatkan aktiviti penyelidikan serta meningkatkan kemudahan-kemudahan bagi tujuan tersebut.

::
Mewujudkan suatu suasana yang menggalakkan kakitangan bekerja secara berpasukan dengan sikap penyayang, serta melaksanakan tugas masing-masing secara profesional.

piagam pelanggan

KEWAJIPAN BIRO PENGAWALAN FARMASEUTIKAL KEBANGSAAN

Ditujukan khas kepada setiap pelanggan yang berurusan dengan BPFK.

1. **Kemudahan Untuk Pelanggan**
   - Setiap pelanggan boleh mendapat perkhidmatan yang sewajarnya.
   - Setiap pelanggan yang tergolong dalam keadaan yang memerlukan perhatian segera akan diberikan layanan dengan segera.

2. **Taraf Perkhidmatan**
   - Setiap pelanggan akan dilayan dengan baik, mesra, bertimbang rasa, hormat dan ikhlas.
   - Setiap pelanggan akan diberi perkhidmatan yang terbaik secara profesional.

3. **Maklumat Perkhidmatan**
   - Setiap pelanggan boleh mendapat penjelasan dan nasihat mengenai perkhidmatan yang diberikan kepadanya.

4. **Pendaftaran Produk**
   - Memastikan bahawa semua produk farmaseutikal yang berdaftar adalah selamat, berkesan dan berkualiti serta menentukan bahawa kosmetik yang berdaftar adalah selamat dan berkualiti.
   - Semua permohonan akan dinilai dengan adil dan saksama berlandaskan peraturan-peraturan yang berkaitan.
   - Semua dokumen yang dikemukakan oleh pelanggan akan disimpan dalam keadaan selamat dan terkawal.

5. **Kawalan Kualiti**
   - Semua ujian makmal akan dijalankan dengan adil dan saksama mengikut peraturan-peraturan dan prosedur-prosedur yang berkaitan.

6. **Penguatkuasaan Dan Komplians**
   - Setiap tindakan dan penguatkuasaan atas mana-mana pelanggaran undang-undang yang dikuatkuasakan akan dilakukan dengan adil dan saksama tanpa dipengaruhi oleh apa-apa kepentingan dan prasangka.
   - Bersedia bekerjasama dengan agensi penguatkuasaan lain dalam perkara yang berkaitan dengan penguatkuasaan ubat-ubatan.

SETIAP PERMOHONAN YANG LENGKAP AKAN DIPROSES MENGIKUT JANGKAMASA BERIKUT

:: **Lesen**
- Lesen Import Untuk Percubaan Klinikal - tidak lebih dari 3 bulan
- Lesen Untuk Pemborong, Pengilang, Pengimport - tidak lebih dari 3 bulan
- Lesen Baru Untuk Pemborong, Pengilang, Pengimport - tidak lebih dari 6 bulan

:: **Pendaftaran**
- Peringkat 1 - tidak lebih dari 6 minggu
- Peringkat 2 - tidak lebih dari 4 bulan
- Peringkat 3 - Generik - tidak lebih dari 6 bulan
- NCE - tidak lebih dari 12 bulan
- Tambahan Indikasi - tidak lebih dari 6 bulan

:: **Laporan Pemeriksaan APB**
- Susulan - tidak lebih dari 2 bulan
- Baru/Rutin - tidak lebih dari 3 bulan

:: **Perakuan Produk**
- Alat Perubatan - tidak lebih dari 2 minggu
- Farmaseutikal - tidak lebih dari 1 bulan

KEWAJIPAN PELANGGAN

Bagi membolehkan piagam ini dilaksanakan dengan berkesan, pelanggan adalah berkewajipan untuk:
- Mematuhi semua undang-undang dan peraturan-peraturan yang berkaitan
- Menggunakan kemudahan-kemudahan yang disediakan secara bertanggungjawab

Aktiviti & Pencapaian

Ringkasan Aktiviti BPFK

Pada pertengahan tahun 2004, BPFK telah membuat penstrukturan semula organisasinya. Pembahagian kerja yang lebih sistematik dan tersusun bagi perjalanan pentadbiran dan penyelarasan aktiviti-aktiviti khusus telah menjadikan tugas lebih fokus dan berkesan, meningkatkan perkhidmatan ke tahap yang cemerlang, gemilang dan terbilang.

Penstrukturan semula organisasi mewujudkan bahagian-bahagian dan unit-unit yang khusus untuk menjalankan aktiviti-aktiviti yang lebih spesifik dan terperinci. Ekoran dari penstrukturan semula, nama bahagian serta unit telah ditukar dan beberapa unit baru telah diwujudkan seperti dalam Jadual 1 dan Carta Organisasi.

Jadual 1 : Pertukaran Nama Bahagian, Makmal & Unit- Unit
Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan

NAMA LAMA (SEBELUM PENSTRUKTURAN SEMULA)	NAMA BARU (JUN 2004)
1. **Bahagian Penilaian & Keselamatan Produk (BPKP)** - Unit Racun - Unit Bukan Racun - Unit Veterinar	1. **Pusat Pendaftaran Produk (PPP)** a) Seksyen Produk Generik - Unit Preskripsi - Unit Bukan Preskripsi - Unit Veterinar
- Unit Entiti Kimia Baru - Unit Bioteknologi -	b) Seksyen Penyiasatan & Ubat Baru - Unit Ubat Baru - Unit Bioteknologi - Unit Penyelidikan Klinikal Regulatori
- Unit Ubat Tradisional - - Unit Kosmetik	c) Seksyen Ubat Komplementari & Kosmetik - Unit Produk Semulajadi - Unit Suplemen Kesihatan - Unit Kosmetik
- Unit Sekretariat	d) Unit Koordinasi Regulatori
2. **Bahagian Analisis Ubat** a) Makmal Kimia Farmaseutikal & b) Makmal Teknologi Farmaseutikal - - - -	2. **Pusat Kawalan Kualiti (PKK)** a) Seksyen Pengujian Kimia Farmaseutikal - Unit Kromatografi - Unit Prestasi Dosej - Unit Spektro/Kimia Am - Unit Penyelidikan Kimia

Aktiviti

NAMA LAMA	NAMA BARU
c) Makmal Mikrobiologi & d) Makmal Farmakologi/Toksikologi - - -	b) Seksyen Pengujian Bio-Farmaseutikal - Unit Mikrobiologi - Unit Farmakologi/Toksikologi - Unit Kultur Tisu & Penyelidikan Biologi
e) Makmal Ubat Tradisional - - -	c) Seksyen Pengujian Produk Semulajadi - Unit Monograf Herba - Unit Penyaringan Campur-palsu - Unit Pengesanan Bahan Toksik
f) Unit Piawai Rujukan	d) Unit Piawai Rujukan
g) Unit Perkhidmatan Makmal	e) Unit Perkhidmatan Makmal
3. **Bahagian APB & Pelesenan** - - - - -	3. **Pusat Amalan Perkilangan Baik (APB)** - Unit Inspektorat I - Unit Inspektorat II - Unit Khidmat Nasihat APB - Unit Siasatan APB - Unit Pelesenan & Persijilan
4. **Bahagian Surveilans & Farmakovigilans** - - - -	4. **Pusat Pasca Pendaftaran Produk (PPPP)** - Unit Farmakovigilans - Unit Surveilans & Aduan Produk - Unit Variasi Farmaseutikal - Unit Variasi Bukan Farmaseutikal
5. **Bahagian Pembangunan Organisasi & Teknologi Maklumat** - - -	5. **Pusat Pembangunan Organisasi** - Unit Sumber Manusia - Unit Pengurusan Sistem Kualiti - Unit Maklumat & Komunikasi
6. **Bahagian Pentadbiran**	6. **Unit Pentadbiran**
7. **-**	7. **Unit Penyenggaraan**

Aktiviti

Aktiviti-aktiviti Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan secara amnya termasuklah:

- Menguatkuasakan skim pendaftaran ubat dan kosmetik melalui penilaian data teknikal, ujian makmal, penyelidikan dan maklumat yang diterima daripada badan-badan antarabangsa

- Menjalankan ujian analitikal, farmaseutikal, mikrobiologi, farmakologi serta toksikologi atas ubat-ubatan untuk menentukan mutu, keberkesanan dan keselamatan produk-produk tersebut, dan menentukan mutu serta keselamatan produk kosmetik

- Menguatkuasakan skim kawalan mutu ubat-ubatan dalam pasaran melalui penyampelan secara rambang dan menjalankan ujian-ujian analitikal

- Menguatkuasakan skim pelesenan pengilang, pengimport dan pemborong ubat-ubatan, termasuk skim pelesenan import produk untuk percubaan klinikal

- Mendorong dan membantu pengilang-pengilang ubat tempatan untuk meningkatkan mutu setaraf dengan Amalan Perkilangan Baik (Good Manufacturing Practice) yang disarankan oleh 'Pharmaceutical Inspection Cooperation Scheme (PIC/S)' dan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO)

- Menguruskan program pemonitoran kesan advers ubat dan menganggotai Program Pemonitoran Ubat Antarabangsa WHO

- Menguruskan skim panggilbalik produk berdaftar yang didapati 'substandard' atau dibuktikan tidak selamat bagi pengguna

- Mengendalikan sistem pengumpulan dan penyebaran maklumat ubat

- Menjalankan penyelidikan metodologi dan penyelidikan asas untuk tujuan penilaian mutu, keberkesanan dan keselamatan ubat-ubatan/kosmetik

- Menubuhkan sistem piawai rujukan untuk kegunaan negara ini dan negara jiran melalui skim kerjasama dalam bidang farmaseutikal antara negara-negara ASEAN

- Menjalankan latihan bagi pegawai-pegawai farmasi, pegawai-pegawai profesional lain dan juga pegawai-pegawai separuh profesional yang ditempatkan di institusi ini dari semasa ke semasa melalui skim latihan tempatan atau skim kerjasama antarabangsa

Aktiviti-aktiviti khusus yang dilaksanakan oleh setiap Pusat di BPFK adalah seperti berikut :

Pusat Pendaftaran Produk (PPP)

- Menerima dan menilai permohonan pendaftaran produk farmaseutikal, ubat tradisional dan kosmetik
- Menjadi urusetia kepada mesyuarat Pihak Berkuasa Kawalan Dadah, memproses pengeluaran keputusan mesyuarat dan mengeluarkan Sijil Perakuan Pendaftaran
- Memproses permohonan Lesen import untuk tujuan Percubaan Klinikal
- Memproses permohonan pertukaran pemegang pendaftaran
- Menilai permohonan tambahan indikasi
- Memproses rayuan terhadap permohonan produk yang ditolak oleh PBKD
- Mengeluarkan Perakuan Produk Farmaseutikal, kosmetik dan Peralatan Perubatan untuk tujuan eksport
- Menilai dan memproses permohonan pindaan maklumat produk berdaftar (sebelum penstrukturan semula organisasi)
- Memproses permohonan pendaftaran semula produk (sebelum penstrukturan semula organisasi)
- Memproses permohonan pertukaran tapak perkilangan (sebelum penstrukturan semula organisasi)

Aktiviti

Pusat Kawalan Kualiti (PKK)

- Menjalankan ujian kawalan kualiti untuk menentukan kualiti, keberkesanan dan keselamatan produk berdaftar sebelum dan selepas dipasarkan
- Menjalankan penyelidikan dan perkembangan metodologi serta protokol analisis produk
- Menubuhkan sistem piawai rujukan kimia serta biologikal untuk kegunaan institusi, industri farmaseutikal tempatan dan negara ASEAN
- Menjalankan pemeriksaan Amalan Makmal Baik terhadap makmal kawalan kualiti di premis farmaseutikal tempatan
- Mengkaji dan menilai protokol analisis dan data validasi

Pusat Amalan Perkilangan Baik (PAPB)

- Menjalankan pemeriksaan APB atas premis pengilang, pengimport dan pemborong produk berdaftar.
- Menjalankan pemeriksaan penyiasatan APB berkaitan kualiti produk atas premis pengilang sekiranya perlu.
- Memproses permohonan dan mengeluarkan lesen pengilang, pengimport dan pemborong produk berdaftar.
- Mengeluarkan senarai tambahan produk berdaftar.
- Menilai pelan susun-atur APB premis pengilang keluaran berdaftar.
- Memberi khidmat nasihat dan bimbingan dari segi teknikal kepada industri berkenaan dalam aspek APB, ASB dan pelesenan.
- Menganjur kursus latihan APB untuk industri farmaseutikal dan tradisional serta 'WHO fellows'.
- Mengadakan perbincangan teknikal dengan industri farmaseutikal untuk meningkatkan tahap APB premis pengilang tempatan.
- Mengumpul maklumat berkaitan industri farmaseutikal dan tradisional.
- Mengeluarkan perakuan APB dan mengesahkan salinan dokumen-dokumen berkaitan lesen.

Pusat Pasca Pendaftaran Produk (PPPP)

I Pemonitoran Kesan Advers Ubat
- Menguruskan pengesanan dan pemonitoran kesan advers ubat
- Mengenalpasti langkah-langkah untuk mengurangkan kejadian kesan advers ubat
- Menggalakkan pelaporan kesan advers ubat
- Menganggotai Program Pemonitoran Ubat Antarabangsa WHO

II Surveilans dan Aduan Produk
- Mengambil sampel dalam pasaran dan dihantar untuk ujian
- Membuat pemonitoran terhadap label dan sisip bungkusan
- Menjalankan penyiasatan terhadap aduan produk
- Mengambil tindakan punitif seperti mengeluarkan surat amaran atau arahan panggil balik atas produk apabila perlu
- Melaksanakan pemonitoran terhadap arahan PBKD

III Aktiviti berikut mula dilaksanakan oleh PPPP selepas penstrukturan semula BPFK :
- Menilai dan memproses permohonan pindaan maklumat produk berdaftar
- Memproses permohonan pendaftaran semula produk
- Memproses permohonan pertukaran tapak perkilangan

Pusat Pembangunan Organisasi (PPO)

I Maklumat dan Komunikasi
- Memberi penerangan serta maklumat kepada orang awam berkenaan dengan proses pendaftaran, produk berdaftar dan pengkelasan produk
- Mengendali sistem komputer dan mengemaskini laman web BPFK
- Mengendali sistem pengumpulan dan penyebaran maklumat ubat-ubat melalui penerbitan Berita Ubat-ubatan dan Pekeliling Maklumat Ubat
- Menyediakan perkhidmatan perpustakaan serta membekalkan buku-buku rujukan kepada pegawai-pegawai BPFK

Aktiviti

II Pengurusan Latihan
- Mengendalikan program latihan bagi Pegawai Farmasi Pelatih dan pelawat dari luar negara yang berkursus di BPFK
- Mengendalikan program lawatan/taklimat bagi pelawat-pelawat ke BPFK
- Mengendalikan program pembelajaran berterusan untuk pegawai/kakitangan BPFK

III Pengurusan Sistem Kualiti
- Menguruskan sistem kualiti BPFK - memastikan semua dokumen berkaitan BPFK terkawal, selamat dan mematuhi garis panduan/keperluan ISO

pendaftaran produk

Pendaftaran Produk

Pemprosesan permohonan pendaftaran produk dikendalikan oleh Pusat Pendaftaran Produk (PPP) yang memastikan semua produk farmaseutikal yang didaftarkan dinilai dari segi kualiti, keselamatan dan efikasi, manakala ubat tradisional serta kosmetik dinilai dari segi keselamatan dan kualiti. Pemprosesan permohonan rayuan terhadap penolakan pendaftaran dan permohonan tambahan indikasi juga dikendalikan oleh PPP.

• Permohonan Pendaftaran

Sejumlah 34,099 permohonan diterima sepanjang tahun 2004 dan jumlah ini meningkat sebanyak 21% berbanding tahun 2003 (28,177). Daripada jumlah permohonan, 1.6% adalah bagi produk racun, 2.1% bagi produk bukan racun, 6.5% adalah produk ubat tradisional dan baki 89.8% bagi produk kosmetik. Secara keseluruhan, permohonan yang diterima bagi semua kategori produk untuk tahun 2004 telah meningkat berbanding dengan tahun 2003. Tahun 2004 merupakan tahun yang kedua yang mana bilangan permohonan telah meningkat secara mendadak berbanding dengan tahun-tahun sebelumnya. Data bilangan permohonan yang diterima dari tahun 2000 hingga tahun 2004 adalah seperti dalam Jadual 2.

Jadual 2 : Permohonan Untuk Pendaftaran (Tahun 2000-2004)

Tahun	Produk Racun	Produk Bukan Racun	Produk Ubat Tradisional	Kosmetik	Jumlah Tahunan
2000	427	444	1,523	262	2,656
2001	578	487	1,154	150	2,369
2002	509	448	1,603	214	2,774
2003	263	266	1,471	26,177	28,177
2004	529	720	2,220	30,630	34,099








Pendaftaran Produk

- **Status Produk Berdaftar**

Sejumlah 79,519 produk telah didaftarkan sehingga tahun 2004, yang mana 10,496 (13.2%), [2003: (27.3%)] ialah produk racun; 7,689 (9.7%), [2003: (20.1%)] ialah produk bukan racun; 13,821 (17.4%), [2003: (34.5%)] produk ubat tradisional, dan 47,513 (60.8%), [2003 (18.1%)] kosmetik. Ini menunjukkan pendaftaran bagi kosmetik telah meningkat secara mendadak berbanding tahun 2003. Sebanyak 47,513 produk kosmetik telah didaftarkan oleh Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) sehingga tahun 2004, manakala hanya 6,751 sahaja sehingga tahun 2003.

Sebanyak 42,311 produk telah didaftarkan pada tahun 2004 berbanding dengan tahun sebelumnya (2003) iaitu sebanyak 6,669. Peningkatan yang signifikan ini adalah disebabkan oleh pertambahan permohonan pendaftaran kosmetik yang diterima secara mendadak pada akhir tahun 2003 dan proses penilaian yang lebih singkat. Pecahan mengikut kategori produk yang didaftarkan pada tahun 2000 hingga 2004 adalah seperti dalam Jadual 3.

Jadual 3 : Jumlah Produk Yang Didaftarkan (Tahun 2000-2004)

Tahun	Produk Racun	Produk Bukan Racun	Produk Ubat Tradisional	Kosmetik	Jumlah Tahunan
2000	505	387	1,328	327	2,547
2001	180	624	1,344	309	2,457
2002	342	235	864	159	1,600
2003	324	275	1,349	4,721	6,669
2004	353	226	970	40,762	42,311

- **Status Permohonan Yang Ditolak**

Sepanjang 5 tahun terakhir, iaitu dari tahun 2000 sehingga 2004, sejumlah 824 permohonan telah ditolak yang mana jumlah pada tahun 2004 (446) didapati meningkat berbanding tahun sebelumnya. Peningkatan ini adalah ekoran daripada meningkatnya jumlah permohonan pendaftaran produk kosmetik (298) yang ditolak atas alasan tidak mematuhi keperluan pendaftaran. Data terperinci adalah seperti dalam Jadual 4.

Jadual 4 : Jumlah Permohonan Yang Ditolak (Tahun 2000-2004)

Tahun	Produk Racun	Produk Bukan Racun	Produk Ubat Tradisional	Kosmetik	Jumlah Tahunan
2000	20	40	46	0	106
2001	42	23	83	2	150
2002	7	25	23	23	80
2003	4	14	24	0	42
2004	3	48	97	298	446

Pendaftaran Produk

- **Status Pendaftaran Yang Dibatalkan atau Tarik-balik**

Sepanjang 5 tahun terakhir, pendaftaran 2,317 produk telah dibatalkan atau ditarik-balik. Ini meliputi 414 (17.8%) produk racun; 516 (22.3%) produk bukan racun dan 1387 (59.9%) produk ubat tradisional (Jadual 5). Pembatalan pendaftaran produk kebanyakannya adalah berdasarkan isu keselamatan dan kegagalan untuk mematuhi keperluan pendaftaran.

Jadual 5 : Jumlah Pendaftaran Produk yang dibatalkan/ditarik-balik (Tahun 2000-2004)

Tahun	Produk Racun	Produk Bukan Racun	Produk Ubat Tradisional	Kosmetik	Jumlah Tahunan
2000	306	120	499	-	925
2001	86	305	645	-	1,036
2002	18	2	161	-	181
2003	3	81	58	-	142
2004	1	8	24	-	33

- **Rayuan**

Jumlah rayuan yang diterima pada tahun 2004 ialah sebanyak 69 permohonan berbanding 29 pada tahun sebelumnya. Peningkatan jumlah rayuan selaras dengan peningkatan jumlah permohonan yang ditolak.

- **Produk Baru (dahulu dikenali sebagai Entiti Kimia Baru)**

Dari tahun 2000 sehingga 2004, permohonan yang diterima untuk produk baru (dahulu dikenali sebagai entiti kimia baru) adalah 415 (Rajah 1). Daripada jumlah ini, 348 (83.9%) telah diluluskan, 35 (8.4%) ditolak dan 28 (6.7%) produk keputusannya ditangguhkan untuk maklumat tambahan.

Rajah 1 : Status Pendaftaran Produk Baru (Tahun 2000-2004)



	2000	2001	2002	2003	2004
Terima	81	111	81	53	89
Lulus	61	61	52	89	85
Tolak	9	15	3	4	4
Tangguh	11	4	11	1	1

Pendaftaran Produk

- **Pendaftaran Produk Bioteknologi**

Unit Bioteknologi yang diwujudkan pada tahun 2002 bertanggungjawab untuk menilai permohonan pendaftaran produk-produk biologikal yang sebelum ini dilakukan oleh Unit Preskripsi. Contoh produk biologikal ialah vaksin, serum yang digunakan untuk tujuan terapeutik, antitoksin, komponen darah dan terbitannya serta produk-produk yang dihasilkan melalui kaedah bioteknologi seperti interferon dan erithropoietin.

Sepanjang tahun 2004, 35 permohonan diterima manakala 27 produk telah didaftarkan.

- **Tambahan Indikasi**

Sebanyak 76 permohonan tambahan indikasi telah diterima sepanjang tahun 2004. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 70 permohonan telah diluluskan manakala baki permohonan masih dalam penilaian.

- **Produk Tempatan dan Import**

Produk tempatan dan import yang didaftarkan pada tahun 2004 mengikut kategori produk diilustrasikan dalam Jadual 6. Jumlah produk tempatan adalah sebanyak 21.9% (9,285) dan jumlah produk yang diimport adalah 78.1% (33,026).

Pada tahun 2004, berdasarkan data dalam Jadual 6, peratusan nisbah antara produk tempatan dan produk import untuk produk racun adalah 35:65; produk bukan racun adalah 36:64; produk ubat tradisional adalah 59:41; dan kosmetik pula adalah 21:79.

Merujuk kepada jumlah produk tempatan yang didaftarkan sepanjang tahun 2004 (n = 9285), 1.3% adalah produk racun, 0.9% produk bukan racun, 6.2% produk tradisional dan 91.6% kosmetik. Untuk produk import (n = 33,026), 0.7% adalah produk racun, 0.4% produk bukan racun, 1.2% produk tradisional dan 97.7% kosmetik.

Jadual 6 : Bilangan Produk Tempatan dan Produk Import Yang Didaftarkan (Tahun 2004)

Bulan	Produk Racun		Produk Bukan Racun		Ubat Tradisional		Kosmetik		Jumlah	
	Temp	Import	Temp	Import	Temp	Import	Temp	Import	Temp	Import
Jan	13	20	10	12	91	53	112	942	226	1027
Feb	19	26	6	14	36	30	150	782	211	852
Mac	12	17	5	19	87	53	251	1133	355	1222
Apr	19	34	3	13	41	20	159	1240	222	1307
Mei	11	7	11	8	41	13	167	1055	230	1083
Jun*	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Julai	2	18	1	9	23	8	684	3726	710	3761
Ogos	9	23	10	7	33	55	1331	5689	1383	5774
Sept	6	17	6	12	42	23	905	3215	959	3267
Okt	9	31	18	17	55	81	1896	5370	1978	5499
Nov	4	12	5	6	29	14	1001	3126	1039	3158
Dis	19	25	6	28	96	46	1851	5977	1972	6076
Jumlah	**123**	**230**	**81**	**145**	**574**	**396**	**8507**	**32255**	**9285**	**33026**

*Tiada mesyuarat PBKD pada bulan Jun 2004

Pendaftaran Produk

- **Sumber produk**

Antara 10 negara utama yang menjadi sumber produk import ialah Perancis, Amerika Syarikat, Itali, Jepun, Jerman, Thailand, China, U.K, Australia, dan Kanada. Produk dari negara-negara ini meliputi lebih kurang 68.9% (37,724) daripada jumlah produk import (n = 54,729). Produk yang diimport dari Negara ASEAN seperti Indonesia, Thailand, Singapura dan Filipina meliputi hampir 10.2% (5,555) (Rajah 2).

Rajah 2 : Negara-negara Sumber Keluaran Import



	Racun	B. Racun	Tradisional	Kosmetik
Perancis	239	65	28	7304
US	308	531	418	6018
Itali	183	45	1	4192
Japun	70	73	16	3717
Jerman	414	204	14	2388
Thailand	280	291	11	2395
China	7	23	1453	1235
UK	299	279	9	1609
Australia	333	328	106	1161
Kanada	179	43	20	1435

Rancangan masa hadapan

Skop pendaftaran produk akan diperluaskan dengan melaksanakan pendaftaran serta pelesenan produk veterinar dan bahan aktif farmaseutikal.

kawalan kualiti

Kawalan Kualiti

Aktiviti pengawalan kualiti produk yang dikendalikan oleh Pusat Kawalan Kualiti (PKK) merupakan satu elemen penting dalam penilaian produk-produk farmaseutikal, tradisional dan kosmetik. Produk-produk yang diuji termasuk produk untuk permohonan pendaftaran, pengawasan produk berdaftar dalam pasaran, kes-kes aduan untuk produk berdaftar dan sampel penguatkuasaan. Ujian-ujian yang dijalankan adalah berasaskan penentuan farmakopia, spesifikasi dalaman atau protokol analisis yang diluluskan dan spesifikasi pengilang.

Pemohon pendaftaran produk farmaseutikal perlu mengemukakan protokol analisis produk untuk dinilai sebelum ujian dijalankan dan bagi produk parenteral, pemohon perlu mengemukakan protokol analisis serta data validasi memandangkan ujian tidak dijalankan secara rutin bagi produk berkenaan sebelum pendaftaran.

- **Beban Kerja**

Sepanjang tahun 2004 sebanyak 4266 sampel telah diterima untuk pengujian yang terdiri dari 1535 (36%) sampel produk farmaseutikal dan 2731 (64%) sampel ubat tradisional (Rajah 3). Keseluruhannya merangkumi 1807 (42.4%) sampel pendaftaran, 2158 (50.6%) sampel pengawasan, 122 (2.8%) sampel aduan dan 179 (4.2%) sampel dari Cawangan Penguatkuasa Farmasi (CPF) dan lain-lain.

Rajah 3 : Jenis Sampel Diterima








Daripada 4847 sampel yang telah diuji, 1443 (29.8%) terdiri dari sampel produk farmaseutikal dan 3404 (70.2%) sampel ubat tradisional (Rajah 4). Keseluruhannya merangkumi 2270 (46.8%) sampel pendaftaran, 2305 (47.5%) sampel pengawasan, 139 (2.9%) sampel aduan dan 133 (2.7%) sampel CPF dan lain-lain.

Rajah 4 : Jenis Sampel Diuji



Berbanding dengan pencapaian tahun 2003, bilangan sampel yang diuji pada tahun 2004 meningkat sebanyak 16% (Rajah 5). Bilangan ujian pula meningkat sebanyak 0.3%, iaitu dari 51251 (tahun 2003) kepada 51424 untuk tahun 2004 (Rajah 6).

Rajah 5 : Bilangan Sampel Diuji (Tahun 2000-2004)



Rajah 6 : Bilangan Ujian Dijalankan (Tahun 2000-2004)



Jenis-jenis ujian yang dijalankan terdiri dari ujian had mikrobial (MLT), kimia, logam berat (As, Hg, Pb), pengecaian, pelarutan, steriliti, bakteria endotoksin, dan lain-lain seperti toksisiti, biokimia, biologikal, bilangan partikel, esei antibiotik. Statistik ujian adalah seperti pada Rajah 7.

Rajah 7 : Jenis Ujian Dijalankan



- **Sampel Gagal Ujian**

Bilangan sampel yang gagal ujian pada tahun 2004 adalah sebanyak 518 iaitu 10.7% dari jumlah sampel yang diuji (Rajah 8), merangkumi 266 (5.5%) sampel pendaftaran, 228 (4.7%) sampel pengawasan dan 24 (0.5%) sampel aduan; keseluruhannya terdiri dari 429 (8.9%) sampel produk tradisional dan 89 (1.8%) sampel produk farmaseutikal.

Rajah 8 : Perbandingan Sampel Lulus & Gagal Ujian



- **Penilaian Protokol Analisis Dan Data Validasi**

Sebanyak 1359 protokol analisis telah dinilai pada tahun 2004 manakala jumlah yang dilaporkan untuk tahun 2003 ialah 2548. Dalam tahun 2003, bilangan penilaian protokol analisis dilaporkan oleh setiap makmal. Ini bermakna satu protokol boleh dilaporkan lebih dari satu kali. Cara melaporkan penilaian protokol analisis telah berubah pada tahun 2004 yang mana Unit Perkhidmatan Makmal telah ditugaskan untuk menyelaraskan bilangan protokol analisis yang dinilai oleh PKK. Dengan cara ini, pengiraan bilangan protokol yang dinilai tidak lagi bertindih sepertimana yang berlaku untuk tahun 2003.

Jumlah protokol analisis yang dinilai dalam masa satu bulan telah menurun dari 95.3% (2003) kepada 73.9% (2004) dan pencapaian ini tidak memenuhi sasaran indikator QAP/Quality Assurance Program BPFK (tidak kurang dari 90% dinilai dalam masa 30 hari bekerja). Faktor utama yang menyebabkan kemerosotan pencapaian indikasi ini adalah kerana semua penilaian protokol analisis perlu dibuat secara online mulai tahun 2004 yang mana telah menimbulkan beberapa masalah seperti berikut:

a) Penilai perlu menyesuaikan diri dengan membaca dokumen-dokumen dalam skrin komputer dan ini memanjangkan masa penilaian.
b) Penilaian hanya boleh dilakukan pada waktu pejabat sahaja
c) Penilaian tidak dapat dijalankan apabila sistem QUEST2 tidak berfungsi akibat masalah yang dialami pada peringkat awal sistem baru digunakan.

- **Piawai Rujukan**

Sejumlah 137 vial piawai rujukan ASEAN bernilai RM20,550 dan 380 vial piawai rujukan BPFK bernilai RM38,000 telah dijual kepada industri farmaseutikal tempatan dan luar negara. Setiap vial piawai rujukan BPFK dikenakan bayaran sebanyak RM100 dan piawai rujukan ASEAN sebanyak RM150. Hasil jualan pada tahun 2004 (RM 58,550) didapati meningkat berbanding dengan hasil jualan (RM 57,350) pada tahun 2003 (Rajah 9).

Rajah 9 : Hasil daripada Piawai Rujukan (Tahun 2003-2004)



Sebanyak 876 vial piawai rujukan ASEAN/BPFK telah dibekalkan secara percuma kepada badan-badan kerajaan seperti Jabatan Kimia, Makmal Ubat dan Stor Sarawak, Cawangan-cawangan Penguatkuasa Farmasi Negeri dan badan-badan regulatori negara-negara ASEAN yang terlibat dalam projek kolaborasi.

Dalam menyokong projek kolaborasi antara negara ASEAN di bawah naungan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) untuk "ASEAN Reference Substances (RS) Production & Utilization", Unit Piawai Rujukan (UPR) telah menjalankan ujian atas 5 dari 8 bahan yang telah dicadangkan dalam mesyuarat ke 12 di Thailand pada Februari 2003. Ujian-ujian tersebut dijalankan terlebih dahulu sebelum bahan mentah, piawai rujukan primer dan kaedah analisis dihantar kepada 2 negara ASEAN lain untuk kajian kolaborasi. UPR juga telah membungkus 300 vial bahan mentah nystatin (projek kolaborasi) sebelum ujian esei mikrobiologi dijalankan.

Bahan mentah untuk prednisolone dan nystatin telah dibekalkan oleh Japan Pharmaceutical Manufacturers Association (JPMA) sementara badan regulatori Thailand membekal bahan mentah norfloxacin dan guaifenesin serta piawai rujukan primer prednisolone, nystatin, norfloxacin dan guaifenesin. BPFK telah membekalkan bahan mentah dan piawai rujukan primer diphenhydramine hydrochloride.

Di samping ini, ujian-ujian untuk kajian kolaborasi juga dijalankan atas bahan mentah yang diterima dari negara-negara ASEAN. Sejumlah 7 bahan telah diterima dari negara ASEAN; 4 bahan dari Thailand, 1 dari Indonesia dan 2 dari Vietnam dalam tahun 2004.

Dalam mesyuarat ke-12 yang telah berlangsung di Thailand, beberapa bahan telah diterima untuk digunakan sebagai ASEAN RS. BPFK sebagai badan penyelaras untuk methylparaben, propylparaben dan riboflavin telah membungkus dan melabel 300 vial methylparaben, 300

vial propylparaben dan 300 vial riboflavin. ASEAN RS ini telah diagihkan ke semua negara ASEAN; 120 vial ke Indonesia, 90 vial ke Filipina, 90 vial ke Singapura, 120 vial ke Thailand, 90 vial ke Vietnam, 45 vial ke Myanmar, 45 vial ke Cambodia dan 45 vial ke Laos. Malaysia juga telah menerima sejumlah 265 vial ASEAN RS dari negara-negara ASEAN; 110 vial dari Indonesia, 90 vial dari Thailand, 60 vial dari Singapura dan 5 vial dari Filipina.

- **Bahan Campur Palsu Dalam Ubat Tradisional**

Sepanjang tahun 2004, aktiviti pengesanan bahan campur palsu dalam produk ubat tradisional untuk sampel-sampel dari aktiviti penguatkuasaan dan surveilans giat dilaksanakan.

Selain daripada itu, atas arahan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah, pemonitoran sampel pendaftaran dan pengawasan produk ubat tradisional dilaksanakan dengan mengesan bahan campur palsu atas 4 kategori produk yang mempunyai indikasi berikut:

- 'untuk kesihatan lelaki'
- 'untuk sakit-sakit sendi/otot'
- 'untuk mengurangkan/mengawal berat badan'
- 'untuk batuk dan selsema'

Sebanyak 462 sampel telah diuji yang melibatkan 645 ujian. Terdapat 66 sampel (14.3%) yang dikesan positif mengandungi bahan campur palsu seperti dinyatakan dalam Jadual 7.

Jadual 7 : Bahan Campur Palsu Dalam Ubat Tradisional

Sasaran	Sampel CPF			Sampel Pendaftaran dan Pengawasan		
	Bilangan Diuji	Bilangan Positif	% Positif	Bilangan Diuji	Bilangan Positif	% Positif
Sildenafil dan Tadalafil	90	25	27.78%	35	4	11.43%
Steroid	203	7	3.45%	56	--	--
NSAID & Phenylbutazone	31	1	3.22%	33	5	15.15%
Antihistamine/Antitussive	20	4	20.00%	11	3	27.27%
“Cardiovascular drugs”	3	-	-	-	-	-
Antibiotik	4	1	25.00%	4	-	-
Antidepressant/Tranquilizers	--	-	-	1	-	-
H2 Antagonist	1	-	-	-	-	-
Agen Pelangsing	25	--	--	29	1	3.45%
Agen Pemutih	30	5	16.67%	-	-	-
Analgesik	--	--	--	4	-	-
Hormon	25	-	-	-	-	-
Opiate	3	--	--	2	2	100%
Lain-lain (Antihyperlipidaemic, Antidiabetic, Antifungal dan Antiasthmatic)	12	3	25.00%	23	7	30.43%

Kawalan Kualiti

Dalam tahun 2004, tatacara dan teknik penganalisaan baru yang bersesuaian telah dibangunkan yang mana penganalisaan telah dijalankan atas 4 sampel persediaan dan air daun ketom. Hasil ujian didapati 2 sampel air ketom mengandungi mitragynine.

Perancangan Untuk Tahun 2005

Aktiviti yang dijadualkan untuk tahun 2005 adalah seperti berikut:

a) Meneruskan persediaan ke arah akreditasi ISO 17025 untuk makmal dengan mengadakan latihan untuk kakitangan dan juga mengenalpasti skop akreditasi.
b) Meneruskan kerjasama antara negara ASEAN dengan mengambil bahagian dalam pengeluaran piawai rujukan ASEAN melalui ujian kolaboratif atas piawai rujukan yang dicadangkan.
c) Mengambil bahagian secara aktif dalam 'Proficiency Testing Schemes' yang dikendalikan oleh WHO dan Program EC-ASEAN sebagai satu usaha pemonitoran berterusan atas prestasi makmal.
d) Menganjurkan 'Workshop on Assessing Quality of Vaccines' khususnya vaksin Hepatitis B.
e) Melatih pegawai menerusi latihan sangkutan dengan institusi yang bertauliah dalam bidang 'tissue culture' untuk ujian keselamatan produk vaksin.
f) Menganjurkan kursus bersama industri tempatan (MOPI) dalam bidang penyaringan bahan campur palsu seperti racun berjadual.
g) Meneruskan usaha untuk memperkembangkan tatacara dan teknik penganalisaan dalam pengesanan racun berjadual dalam ubat tradisional terutama yang melibatkan penggunaan alat LCMS-MS.

amalan perkilangan baik








Amalan Perkilangan Baik



Aktiviti ini dikendalikan oleh Pusat Amalan Perkilangan Baik yang memastikan pengilang produk farmaseutikal, ubat-ubatan tradisional dan kosmetik yang berlesen mematuhi keperluan Amalan Perkilangan Baik (APB). Pusat APB bekerjasama dengan Cawangan Penguatkuasa Farmasi Negeri (CPFN) dalam memastikan premis pengimport dan pemborong berlesen mematuhi keperluan Amalan Penstoran Baik (ASB). Pusat Kawalan Kualiti memberi khidmat sokongan dalam pemeriksaan Amalan Perkilangan Baik bagi aspek Amalan Makmal Baik.

- **Pemeriksaan APB**

Sebanyak 259 pemeriksaan APB telah dijalankan pada tahun 2004. Pemeriksaan tersebut meliputi 44 premis pengilang produk racun, 21 produk bukan racun, 113 produk ubat tradisional, 78 kosmetik dan 3 produk veterinar (Rajah 10).

Rajah 10 : Jumlah Pemeriksaan Premis Oleh APB (Tahun 2001-2004)



	2001	2002	2003	2004
Lain-lain	0	2	2	3
Kosmetik	0	6	15	78
Tradisional	45	56	98	113
Bukan Racun	19	26	21	21
Racun	61	27	40	44

- **Penilaian Susun-Atur APB Pelan Premis Pengilang**

Sejumlah 90 pelan susun-atur premis pengilang baru dan sedia ada telah dinilai pada tahun 2004 agar mematuhi keperluan APB, ini termasuk 7 premis pengilang produk racun, 4 produk bukan racun, 28 produk ubat tradisional, 49 kosmetik dan 2 lain-lain seperti bahan aktif farmaseutikal (API) serta veterinar (Rajah 11).

Rajah 11 : Jumlah Pelan Premis Dinilai (Tahun 2001-2004)



	2001	2002	2003	2004
Lain-lain	3	1	4	2
Kosmetik	3	13	13	49
Tradisional	13	40	18	28
Bukan Racun	9	8	3	4
Racun	7	6	6	7

- **Khidmat Nasihat**

Pada tahun 2004, sebanyak 264 khidmat nasihat telah diberikan, 36 daripada jumlah tersebut adalah berkenaan dengan APB produk racun, 8 produk bukan racun, 87 ubat tradisional, 83 kosmetik dan 50 lain-lain (Rajah 12).

Rajah 12 : Khidmat Nasihat Yang Diberikan Oleh APB (Tahun 2001-2004)



	2001	2002	2003	2004
Lain-lain	7	13	1	50
Kosmetik	17	84	15	83
Tradisional	73	113	14	87
Bukan Racun	15	27	6	8
Racun	13	32	7	36

- **Pemeriksaan Premis Untuk Pematuhan Amalan Makmal Baik**

  Khidmat sokongan diperoleh daripada Pusat Kawalan Kualiti dalam pemeriksaan Amalan Perkilangan Baik (APB) bagi aspek Amalan Makmal Baik. Pada tahun 2004 sebanyak 25 pemeriksaan telah dijalankan atas premis pengilang farmaseutikal tempatan dan bilangan ini meningkat berbanding pencapaian tahun 2003 (18 pemeriksaan).

Perancangan Untuk Tahun 2005

- Latihan APB Farmaseutikal Bercorak Modul

  Program latihan APB bercorak modul akan bermula pada Januari dan berakhir pada September 2005. Program ini dikelolakan bersama dengan MOPI.

  Modul 1 - International GMPs and Quality Assurance
  Modul 2 - GMP for Manufacturing Operations
  Modul 3 - Good Quality Control Laboratory
  Modul 4 - Validation Principles
  Modul 5 - Contamination Control and Cleanrooms
  Modul 6 - Good Aseptic Practices and Sterile Products
  Modul 7 - Computer System Validation
  Modul 8 - Process Development for Therapeutics-A Perspective for Pharmaceutical Products I
  Modul 9 - Process Development for Therapeutics-A Perspective for Pharmaceutical Products II

- Seminar APB untuk Pengilang-pengilang Ubat Tradisional

  Satu seminar akan dirancang pada pertengahan tahun 2005 khususnya untuk pengilang ubat tradisional dalam usaha untuk meningkatkan tahap pematuhan terhadap aspek Amalan Perkilangan Baik (APB) dan diharapkan tahap pematuhan APB akan dapat ditingkatkan dari semasa ke semasa.

pasca pendaftaran produk

Pasca Pendaftaran Produk

Aktiviti surveilans rutin, penyiasatan atas aduan mengenai produk dan pemonitoran kesan advers (farmakovigilans) serta meluluskan permohonan variasi dan juga pendaftaran semula produk seperti yang ditunjukkan pada Rajah 13 adalah aktiviti utama Pusat Pasca Pendaftaran Produk. Aktiviti pemprosesan permohonan Pertukaran Pemegang Pendaftaran dikendalikan oleh Unit Koordinasi Regulatori, Pusat Pendaftaran Produk.

Rajah 13 : Tugasan aktiviti surveilans, aktiviti penyiasatan aduan produk, farmakovigilans dan variasi (Tahun 2000-2004)



	2000	2001	2002	2003	2004
Bil. Sampel Produk	1789	1487	1201	2037	2793
Bil. ADR	792	811	1000	1067	1665
Bil. Laporan Aduan	110	124	181	180	297
Bil. Variasi*					338

*Aktiviti penilaian permohonan variasi dipindah dari Pusat Pendaftaran Produk ke PPPP hanya mulai Julai 2004 secara berperingkat

- **Surveilans**

Bagi aktiviti surveilans pada tahun 2004, sebanyak 2793 sampel daripada 24,587 produk yang berdaftar telah diambil untuk tujuan surveilans, dan ini mewakili 11.36%. Akan tetapi, perlu diingatkan bahawa bukan semua produk berdaftar berada dalam pasaran dan peratusan produk yang disampel ada kemungkinan lebih tinggi berbanding dengan jumlah sebenar dalam pasaran.

Kesemua sampel yang diambil di bawah program surveilans dihantar ke Pusat Kawalan Kualiti untuk dianalisis. Ujian atas produk yang mengandungi racun berjadual dan produk bukan racun dijalankan mengikut protokol analisis terkini yang dikemukakan oleh pengilang.

Ujian atas ubat-ubatan tradisional dijalankan berpandukan ujian yang ditetapkan, contohnya, ujian-ujian untuk pencemaran mikrob dan kulat, logam berat serta ujian-ujian farmaseutikal asas. Analisis kadar kegagalan produk yang telah diuji berdasarkan kategori produk ditunjukkan pada Rajah 14.

Rajah 14 : Keputusan ujian makmal terhadap sampel surveilans (Tahun 2004)



	Racun Berjadual	Bukan Racun	Ubat Tradisional
Bil. Yang Diuji	528	380	1239
Bil. Yang Diluluskan	495	351	1065
Bil. Gagal	32	33	174

Keputusan ujian makmal untuk 2295 sampel produk telah diterima bagi kategori Racun, Bukan Racun dan ubat Traditional, yang mana 2055 sampel telah lulus ujian makmal dan 239 telah gagal ujian makmal. Bukan kesemua produk yang gagal ujian makmal perlu dipanggil balik. Sekiranya kegagalan ujian tersebut tidak mempengaruhi kualiti produk secara ketara, surat amaran dikeluarkan kepada pemegang pendaftaran. Bagi produk yang gagal ujian makmal bagi 2 kelompok yang berlainan dan dikenakan panggilbalik sebanyak 2 kali, pendaftaran produk tersebut akan dibatalkan.

Sebanyak 5 arahan Panggilbalik Tahap 1 (dalam tempoh 24 jam) telah dikeluarkan yang mana satu adalah bagi ubat tradisional dan 4 bagi produk bukan racun. Tiada panggilbalik Tahap 2 (dalam tempoh 72 jam) pada tahun 2004.

145 kelompok produk telah dikenakan arahan Panggilbalik Tahap 3 (dalam tempoh 30 hari) iaitu 20 produk racun, 8 produk bukan racun dan 117 ubat traditional. Kesemua panggilbalik dilakukan sehingga tahap peringkat penjualan/pembekalan kepada pelanggan. Tiada panggilbalik yang perlu dilakukan sehingga ke peringkat pengguna.

29 kelompok produk telah dipanggilbalik secara sukarela oleh pemegang produk berdaftar iaitu 15 produk racun, 12 produk bukan racun dan 2 ubat tradisional.

Pasca Pendaftaran Produk

Jadual 8 : Produk Panggilbalik (arahan + sukarela)

Tahun	2000			2001			2002			2003			2004		
Jumlah Panggilbalik	148			122			198			498			179		
Kategori (A/X/T)	32	17	99	22	13	87	55	29	114	52	166	280	35	24	120

A=Racun; X=Bukan Racun; T=Tradisional

Pemonitoran label dan sisip bungkusan juga dilakukan terhadap sampel produk untuk memastikan label dalam pasaran memenuhi keperluan pelabelan yang diluluskan. Jika label yang disemak tidak memenuhi keperluan yang diluluskan, amaran label akan dikeluarkan. Pada tahun 2004, sebanyak 1792 label telah disemak dan 140 amaran label telah dikeluarkan.

- **Aduan Produk**

Bilangan aduan terhadap produk berdaftar bagi tahun 2004 didapati meningkat dengan banyaknya berbanding dengan tahun 2003, yang mana bilangan aduan bagi tahun 2004 adalah 297 berbanding 180 bagi tahun 2003, iaitu peningkatan sebanyak 65%. Tindakan susulan telah diambil untuk menyelesaikan aduan-aduan ini dalam tempoh 6 minggu bagi lebih daripada 95% kes.

Jenis-jenis aduan yang diterima oleh Unit Surveilans dan Aduan Produk, Pusat Pasca Pendaftaran Produk, terbahagi kepada kualiti, keberkesanan, keselamatan, label dan lain-lain seperti yang ditunjukkan pada Rajah 15. Tindakan yang akan diambil terhadap aduan adalah berasaskan jenis aduan yang diterima. Sebanyak 67 aduan terhadap produk tidak berdaftar telah dimajukan ke Bahagian Perkhidmatan Farmasi, Cawangan Penguatkuasa untuk tindakan lanjut. Manakala aduan mengenai kualiti produk yang dikilangkan oleh pengilang tempatan akan dimajukan ke Pusat Amalan Perkilangan Baik untuk tindakan semasa kilang diaudit. Jika terdapat aduan mengenai produk campur palsu (adulteration) dan melibatkan isu keselamatan pengguna, pendaftaran produk tersebut akan dibatalkan dan terdapat 1 produk telah dibatalkan pendaftarannya.

Rajah 15 : Jenis-Jenis Aduan (Tahun 2004)



- **Pemonitoran Kesan Advers Ubat**

Bagi aktiviti pemonitoran kesan advers ubat (ADR), terdapat peningkatan sebanyak 56% dalam jumlah laporan kesan advers ubat yang diterima dalam tahun 2004, iaitu sebanyak 1665 laporan berbanding dengan 1067 laporan dalam tahun 2003 (Rajah 16). Sebanyak 1591 laporan untuk kategori produk racun (A), 31 laporan untuk produk bukan racun (X) dan 43 laporan untuk ubat tradisional (T).

Rajah 16 : Bilangan Laporan ADR Diterima (Tahun 2000-2004)



	2000	2001	2002	2003	2004
Bilangan Laporan ADR Diterima	792	811	1000	1067	1665

Bilangan laporan yang diterima daripada pelbagai negeri dapat dilihat pada Rajah 18 yang mana jumlah laporan tertinggi telah dikemukakan oleh Hospital Kuala Lumpur dan negeri Selangor. Dari analisis laporan ADR berdasarkan pelapor, kebanyakan laporan kesan advers ubat diterima daripada Pegawai Perubatan yang bertugas di hospital-hospital kerajaan. Laporan kesan advers ubat daripada pemegang pendaftaran juga meningkat sebanyak 36% bagi tahun 2004 (Rajah 17).

Rajah 17 : Analisis Laporan ADR Berdasarkan Pelapor (Tahun 2000-2004)



	2000	2001	2002	2003	2004
Doktor Kerajaan	573	596	651	646	988
Lain-lain (Peg. Farmasi, Doktor Gigi)	74	118	162	169	352
GP/Private Specialist	38	94	49	60	83
Syarikat	43	67	90	141	188
Universiti	0	36	47	47	54

Merujuk kepada Rajah 17 dan laporan ADR yang diterima, kesedaran pemantauan kesan advers produk racun (A) di peringkat hospital amat tinggi bagi menjamin keselamatan pesakit berbanding dengan ubat tradisional yang tiada pemantauan yang khusus terhadap profil keselamatan dilaksanakan.

Berdasarkan laporan ADR yang diterima, data-data tersebut dibincangkan semasa mesyuarat MADRAC dan tindakan lanjutan akan diambil sepertimana dibincangkan. Laporan ADR juga disediakan untuk WHO (World Health Organisation) yang mana laporan ini dihantar ke The Uppsala Monitoring Centre supaya segala data ini dapat dikumpulkan.

Rajah 18 : Analisis Laporan ADR Berdasarkan Negeri (n=1665) (Tahun 2000-2004)



	WPKL	Selangor	Perak	Johor	Pahang	Sarawak	Sabah	N.S	P.P	Terengganu	Kedah	Kelantan	Melaka	WP LAB	Perlis	Putrajaya	Tidak diketahui
2000	112	112	106	88	47	43	48	58	34	29	24	19	17	8	3	0	0
2001	157	126	114	61	20	39	46	53	32	38	24	18	24	16	9	1	0
2002	245	209	97	92	26	42	58	53	30	29	17	36	41	16	5	0	0
2003	188	257	66	74	102	34	50	54	33	17	65	30	50	36	5	1	1
2004	304	397	100	109	124	76	88	102	49	42	96	56	69	42	8	3	1

- **Permohonan Variasi Produk**

Bermula dari Julai 2004, Pusat Pasca Pendaftaran Produk mengambil alih aktiviti permohonan variasi bagi produk-produk berdaftar yang dahulunya di bawah tanggungjawab setiap unit di Pusat Pendaftaran Produk. Permohonan variasi merangkumi permohonan pindaan data dan permohonan pertukaran tapak perkilangan. Pusat ini juga memproses permohonan pendaftaran semula.

Berdasarkan Rajah 19, jumlah permohonan pindaan data bagi produk berdaftar pada tahun 2004 didapati menurun berbanding tahun 2003 iaitu 2801 permohonan berbanding 6680.

Rajah 19 : Bilangan Pindaan Data (Tahun 2000-2004)



- **Pertukaran Tapak Perkilangan**

Permohonan pertukaran tapak perkilangan meliputi pertukaran yang disebabkan oleh pergabungan syarikat, menaiktaraf kelengkapan/kemudahan kilang, 'rationalization of manufacturing site', kes krisis dan sebagainya. Jumlah permohonan sejak tahun 2001 dapat dilihat pada Rajah 20 yang mana pada tahun 2004, 255 permohonan diterima.

Rajah 20 : Pertukaran Tapak Pengilang (Tahun 2001-2004)



- **Permohonan Pendaftaran Semula**

Pendaftaran produk lazimnya bagi tempoh lima tahun dan permohonan pendaftaran semula perlu dikemukakan sebelum tamat tempoh pendaftaran sesuatu produk. Permohonan yang diterima bagi tahun 2004 adalah 2,470 (Rajah 21).

Rajah 21 : Permohonan Pendaftaran Semula Yang Diterima (Tahun 2000-2004)



- **Permohonan Pertukaran Pemegang Pendaftaran**

Jumlah permohonan pertukaran pemegang pendaftaran yang diterima dari tahun 2000 dapat dilihat pada Rajah 22 dan permohonan yang diterima pada tahun 2004 adalah sebanyak 469 permohonan.

Rajah 22 : Bilangan Permohonan Pertukaran Pemegang (Tahun 2000-2004)



- **Halatuju 2005**

Aktiviti surveilans rutin akan diteruskan atas produk-produk yang berdaftar dan aktiviti surveilans akan dipergiatkan lagi atas produk-produk yang disyaki mengandungi adulteran, produk-produk dari pengilang-pengilang bermasalah yang dikenalpasti serta produk-produk yang sukar dikilangkan.

Memandangkan produk kosmetik telah mula didaftarkan pada 2003, aktiviti surveilans, aduan dan pemonitoran kesan advers terhadap produk kosmetik akan dimulakan pada tahun 2005.

Satu kaji selidik akan dilaksanakan di kalangan pengamal-pengamal perubatan dan industri-industri farmaseutikal bagi mengenalpasti kaedah sistem melapor ADR yang lebih baik.

pelesenan

Pelesenan

Pihak Berkuasa Kawalan Dadah mengeluarkan 4 jenis lesen di bawah peruntukan sub-Peraturan 12 (1) Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984. Pengeluaran Lesen Pengilang, Lesen Import dan Lesen Pemborong dikendalikan oleh Unit Pelesenan dan Pensijilan, Pusat APB, manakala Lesen Import Percubaan Klinikal dikendalikan oleh Unit Penyelidikan Klinikal Regulatori, Pusat Pendaftaran Produk.

- **Status Perkembangan Premis Berlesen**

Sebanyak 1547 lesen telah dikeluarkan pada tahun 2004 yang mana jumlah pengilang berlesen ialah 227, 456 pengimport berlesen dan 864 pemborong berlesen (Rajah 23).

Senarai serta maklumat lengkap mengenai premis-premis berlesen boleh dilayari menerusi laman web BPFK (www.bpfk.gov.my). Segala maklumat dikemaskini setiap bulan.

Rajah 23 : Status Perkembangan Premis Berlesen (Tahun 2001-2004)



	2001	2002	2003	2004
Pengilang	247	214	217	227
Pengimport	330	326	316	456
Pemborong	774	890	875	864

- **Taburan Geografi Premis Berlesen**

Taburan geografi premis-premis berlesen bagi tahun 2004 adalah seperti yang digambarkan pada Rajah 24. Negeri Selangor mempunyai premis berlesen yang paling banyak, diikuti oleh Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur) dan Johor.

Rajah 24 : Taburan Geografi Premis Berlesen (Tahun 2004)



	PERLIS	KED	PP	PRK	SGR	WPKL	N.S	MEL	JOH	KEL	TGN	PAH	SAB/ LAB	SWK
Pengilang	2	23	27	19	83	17	3	11	32	6	0	1	1	2
Pengimport	0	5	25	13	214	139	3	2	29	0	0	0	16	10
Pemborong	2	28	52	32	297	156	6	13	61	6	0	1	17	12
Jumlah	4	56	104	64	594	312	12	26	122	12	0	2	34	24

- **Kategori Premis Pengilang Berlesen**

Kategori premis pengilang berlesen bagi tahun 2004 adalah seperti yang dipaparkan pada Rajah 25. Negeri Selangor mempunyai bilangan premis pengilang berlesen yang tertinggi diikuti oleh Johor, Kedah dan Pulau Pinang.

Rajah 25 : Kategori Premis Lesen Pengilang (Tahun 2004)



	PERLIS	KED	PP	PRK	SGR	WPKL	N.S	MEL	JOH	KEL	TGN	PAH	SAB/ LAB	SWK
Farmaseutikal	0	3	10	7	35	7	1	4	6	1	0	0	0	0
Tradisional	2	19	11	11	41	8	2	6	22	5	0	1	1	2
Kosmetik	0	1	1	1	7	2	0	1	4	0	0	0	0	0
Jumlah	2	23	22	19	83	17	3	11	32	6	2	1	1	2

- **Senarai Tambahan Keluaran Berdaftar**

Jumlah permohonan yang diproses pada tahun 2004 adalah sebanyak 730 dan ini meliputi sebanyak 9,025 produk (Rajah 26). Senarai ini diproses berdasarkan permohonan yang dikemukakan apabila terdapat produk yang baru didaftarkan dan senarai perlu dikepilkan bersama Lesen Pengilang atau Lesen Import.

Rajah 26 : Statistik Bagi Pengeluaran Senarai Tambahan Keluaran Berdaftar (Tahun 2001-2004)



	2001	2002	2003	2004
Permohonan	255	345	545	730
Produk	937	1313	2327	9025

- **Tindakan Punitif**

Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) telah menarik balik enam lesen pengilang pada tahun 2004. Lesen bagi tiga pengilang ubat tradisional ditarik balik kerana terlibat dengan pengeluaran produk yang tercemar/dicampurpalsu dan lesen tiga pengilang farmaseutikal ditarik balik kerana mempunyai tahap APB yang amat lemah.

- **Lesen Import Percubaan Klinikal (LIPK)**

Jumlah LIPK yang dikeluarkan pada tahun 2004 ialah sebanyak 163 lesen (Rajah 27). Dari tahun 1997 sehingga 2004 sejumlah 848 lesen telah dikeluarkan. Di samping itu, sebanyak 180 permohonan tambahan yang melibatkan permohonan untuk menambah kuantiti produk diimport, pertukaran tapak (pusat) penyelidikan, penggunaan protokol penyelidikan yang baru dan sebagainya telah diproses sepanjang tahun 2004.

Satu sistem pemeriksaan fasiliti percubaan klinikal akan dilaksanakan pada masa hadapan untuk memastikan pematuhan kepada keperluan 'Good Clinical Practice' dan 'Good Laboratory Practice'.

Rajah 27 : Lesen Import Percubaan Klinikal (Tahun 2001-2004)



	2000	2001	2002	2003	2004
Bilangan Permohonan	38	91	221	271	163

pensijilan & pengesahan status produk

Pensijilan & Pengesahan Status Produk

Aktiviti pengeluaran Perakuan Pendaftaran, Perakuan Produk untuk tujuan eksport serta pengesahan status pendaftaran produk dikendalikan oleh Unit Koordinasi Regulatori, Pusat Pendaftaran Produk, manakala pengeluaran Perakuan Amalan Perkilangan Baik (APB) untuk tujuan eksport dikendalikan oleh Unit Pelesenan & Pensijilan, Pusat APB.

• Perakuan Pendaftaran (PP)

Jumlah pengeluaran Perakuan Pendaftaran untuk produk berdaftar sepanjang lima tahun terakhir, iaitu sejak tahun 2000 sehingga 2004 adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 9. Pada tahun 2004 sebanyak 42,311 sijil dikeluarkan. Peningkatan pengeluaran sijil adalah selaras dengan peningkatan produk yang didaftarkan terutamanya pendaftaran produk kosmetik.

Jadual 9 : Jumlah PP Yang Dikeluarkan (Tahun 2000-2004)

Tahun	Produk Racun	Produk Bukan Racun	Produk Tradisional	Kosmetik	Jumlah
2000	505	387	1,328	327	2,547
2001	180	624	1,344	309	2,457
2002	342	235	864	159	1,600
2003	324	275	1,349	4,721	6,669
2004	353	226	970	40,762	42,311

• Perakuan Produk Untuk Tujuan Eksport

Jumlah pengeluaran Perakuan Produk Farmaseutikal [Certificates of Pharmaceutical Products (CPP)] dan Perakuan Penjualan Bebas [Certificate of Free Sale (CFS)] untuk alat perubatan dan kosmetik bagi tujuan eksport sejak tahun 2000 sehingga 2004 adalah seperti yang ditunjukkan pada Rajah 28. Pada tahun 2004 sebanyak 2,311 CPP dan 1,545 CFS telah dikeluarkan.

CPP yang dikeluarkan adalah untuk eksport ke negara seperti Afghanistan, Australia, Austria, Bangladesh, Botswana, Brunei, Kemboja, China, Ethiopia, Jerman, Ghana, Hong Kong, India, Indonesia, Iraq, Itali, Jepun, Jordan, Kenya, Kuwait, Arab Saudi, Macau, Maldives, Mauritius, Myanmar, New Zealand, Nigeria, Pakistan, Panama, Papua New Guinea, Filipina, Singapura, Sri Lanka, Sudan, Taiwan, Thailand, Emiriyah Arab Bersatu (UAE), Vietnam, Afrika Selatan, Zimbabwe, Yaman dan Zambia.

CFS pula adalah untuk eksport kosmetik atau peralatan perubatan ke negara seperti Argentina, Bangladesh, Bolivia, Brazil, Brunei, Bulgaria, China, Chile, Colombia, Ecuador, Mesir, Ethiopia, Guatemala, Hong Kong, India, Indonesia, Iran, Khazastan, Korea, Kuwait, Arab Saudi, Mauritius, Mexico, Nigeria, Pakistan, Panama, Peru, Filipina, Russia, Sri Langka, Taiwan, Thailand, Turki, Vietnam, Afrika Selatan dan Yaman.

Rajah 28 : Pengeluaran Perakuan Produk Farmaseutikal dan Perakuan Penjualan Bebas (Tahun 2000-2004)



	2000	2001	2002	2003	2004
CPP	2478	2131	2033	2410	2311
CFS	1719	1551	1717	1309	1545
Jumlah	4197	3682	3750	3719	3856

- **Perakuan APB Untuk Tujuan Eksport**

Pada tahun 2004, jumlah perakuan APB yang dikeluarkan adalah sebanyak 259 (Rajah 29). Perakuan ini adalah untuk negara-negara seperti Afghanistan, Australia, Botswana, Brunei, Kemboja, Kanada, China, Mesir, Ethiopia, Amerika Syarikat, Fiji, Ghana, Hong Kong, India, Indonesia, Iran, Iraq, Jepun, Jordan, Khazastan, Arab Saudi, Kuwait, Republik Korea, Laos, Macau, Maldives, Mexico, Mozambique, Myanmar, Nigeria, Pakistan, Papua New Guinea, Thailand, Turki, Uganda, Emiriyah Arab Bersatu (UAE), Vietnam, Afrika Selatan, Oman, Sri Lanka, Taiwan, Zimbabwe, Yaman, Sudan, Romania, Singapura dan Zambia.

Rajah 29 : Perakuan APB Untuk Tujuan Eksport (Tahun 2001-2004)



	2001	2002	2003	2004
Perakuan APB	151	255	297	259

- **Permohonan Pengesahan Status Pendaftaran**

Permohonan pengesahan status pendaftaran produk biasanya dikemukakan oleh Cawangan Penguatkuasa Farmasi (CPF), Kementerian Kesihatan Malaysia bagi produk yang disita dalam serbuan-serbuan yang dijalankan. Pengesahan ini diperlukan untuk tujuan pendakwaan di mahkamah dan sepanjang tahun 2004 sebanyak 5,698 produk telah disahkan status pendaftarannya (Rajah 30).

Rajah 30 : Pengesahan Status Pendaftaran Produk Oleh CPF (Tahun 2002-2004)



	Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Jul	Ogos	Sept	Okt	Nov	Dis
2002	-	-	-	-	-	-	-	-	253	187	79	15
2003	191	223	331	95	499	603	715	265	222	221	109	190
2004	220	187	64	68	275	360	1353	1507	979	262	111	312

Data bagi Januari - Ogos 2002 tidak diperolehi

komunikasi

Komunikasi

Komunikasi memainkan peranan yang penting dalam menghubungkan BPFK dengan pihak industri, orang ramai dan juga agensi kerajaan yang lain. Mulai pertengahan tahun 2004 dengan penstrukturan semula organisasi, dua orang pegawai (seorang Ketua Penolong Pengarah dan seorang Penolong Pengarah) telah ditempatkan di Unit Informasi & Komunikasi bagi memastikan komunikasi beroperasi dengan lancar. Antara aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan oleh Unit Informasi dan Komunikasi adalah seperti berikut:

- **Laman Web**

Laman web BPFK adalah merupakan sumber komunikasi yang amat penting untuk berhubung dengan pihak pelanggan terutama pihak industri dan orang awam. Maklumat-maklumat terkini terutamanya polisi Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD), senarai ubat berdaftar, keputusan mesyuarat PBKD boleh didapati dengan mudah dan cepat melalui laman web ini.

Untuk memperbaiki lagi laman web BPFK, cadangan dan komen daripada pelanggan amat dialu-alukan.

- **Pertanyaan**

Pada tahun 2004 sebanyak 2180 pertanyaan telah diterima oleh Unit Informasi dan Komunikasi dan pecahan pertanyaan mengikut bulan adalah seperti dalam Rajah 31. Perbandingan tahunan pertanyaan yang diterima adalah seperti dalam Rajah 32. Unit Informasi dan Komunikasi menerima pelbagai jenis pertanyaan daripada pelanggan dan pecahan jenis pertanyaan boleh dilihat pada Jadual 10. Pada tahun 2004 jumlah pertanyaan telah didapati meningkat terutama pertanyaan berkaitan pengkelasan produk (28.4%). Keadaan ini berkemungkinan disebabkan oleh semakin banyaknya syarikat yang ingin mendaftar produk tetapi tidak pasti pengkelasannya. Pertanyaan yang diterima adalah melalui telefon, faks, surat, e-mel dan juga secara 'walk-in'.

Komunikasi

Rajah 31 : Bilangan Pertanyaan Diterima (Tahun 2004)



Rajah 32 : Bilangan Pertanyaan Diterima (Tahun 2000-2004)



Jadual 10 : Jenis Pertanyaan Yang Diterima (Tahun 2004)

Jenis Pertanyaan		Jumlah	Peratus
Maklumat Am Produk		93	4.3
Indikasi Produk		28	1.3
Status Pendaftaran		144	6.6
Pembekal Produk		2	0.1
Klasifikasi Produk		619	28.4
Kemaskini Produk		55	2.5
On-line Quest		310	14.2
Isu Regulatori		204	9.4
Alat Perubatan		19	0.9
Lain-lain		40	1.8
Pendaftaran online	Farmaseutikal	175	8.0
	Tradisional	275	12.6
	Kosmetik	197	9.0
	Lain-lain	19	0.9

Komunikasi

• Penerbitan

BPFK juga menghasilkan beberapa penerbitan yang berkaitan dengan kawalan regulatori ubat-ubatan. Antara penerbitan yang telah diterbitkan sepanjang tahun 2004 adalah:

- Berita Ubat-Ubatan
- Pekeliling Maklumat Ubat
- Laporan Tahunan BPFK

• Perkhidmatan Perpustakaan

Perpustakaan BPFK mempunyai sebanyak 1817 buah buku, termasuk farmakopia-farmakopia utama dari pelbagai negara luar. Selain itu, perpustakaan ini juga melanggan 30 jenis jurnal dan buletin ubat, 'On-line Micromedex' dan 'International Pharmaceutical Abstracts'. Pada masa ini perpustakaan dibuka kepada kakitangan BPFK sahaja. Kakitangan di bawah Kementerian Kesihatan boleh memohon untuk menggunakan kemudahan-kemudahan di perpustakaan ini.

Perpustakaan ini juga dilengkapi dengan komputer yang ada kemudahan internet.

• Rancangan masa hadapan

Infrastruktur IT sedia ada akan terus dipertingkatkan dan koleksi bahan-bahan rujukan dalam bentuk elektronik akan ditambahkan lagi bagi memudahkan kakitangan BPFK membuat rujukan.

kualiti

Sistem Pengurusan Kualiti

Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan telah memperoleh pengiktirafan MS ISO 9002:1994 pada 17 Julai 2001. Manakala pensijilan kepada versi 9001:2000 telah berjaya diperoleh pada 13 Ogos 2003. Pada Audit Penilaian Semula yang telah dijalankan oleh pihak SIRIM pada 23 dan 24 Ogos 2004, BPFK telah berjaya mengekalkan pengiktirafan MS ISO 9001:2000 tanpa sebarang laporan ketakakuran kepada keperluan yang ditetapkan.

Skop pensijilan adalah **Pengawalan regulatori produk-produk farmaseutikal, ubat tradisional dan kosmetik melalui aktiviti pendaftaran, pelesenan dan surveilans.**

Aktiviti-aktiviti berkaitan sistem pengurusan kualiti yang telah dijalankan pada tahun 2004 adalah seperti berikut:

1. Kursus Pengenalan ISO 9001:2000
   - 12 April 2004
2. Sistem Pengurusan Kualiti: Kursus Juruaudit Dalaman
   - 14-15 April 2004
3. Audit Dalaman BPFK
   - Jun 2004
4. Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti (JKQ)
   - 2 kali
5. Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan
   - 2 kali

Anugerah Khidmat Cemerlang

Pihak pengurusan BPFK sentiasa berusaha untuk memupuk semangat bekerja ke arah kecemerlangan di kalangan kakitangannya. Salah satu cara ke arah ini adalah dengan pemberian anugerah khidmat cemerlang kepada sekumpulan kakitangan yang telah menunjukkan prestasi kerja yang cemerlang setiap tahun. Pada tahun 2004, Majlis anugerah khidmat cemerlang telah diadakan pada 10hb September 2004 di Dewan Anggerik BPFK. Sijil penghargaan dan cek bernilai RM1000.00 bagi setiap penerima telah disampaikan oleh Pengarah BPFK, Datin Hjh.Hasiah bt Hj. Abdullah. Senarai nama pegawai yang berjaya menerima anugerah cemerlang bagi perkhidmatan tahun 2003 adalah seperti berikut:

1. Pn. Abida Haq bt. Syed M. Haq.
2. Cik Fudziah bt. Ariffin.
3. Cik Gnanasakthi a/p Kanagasabai.
4. Pn. Haslina bt. Ithnin.
5. En. Jaafar b. Lassa.
6. Pn. Masfiza bt. Abdul Hamid.
7. En. Mohammad Harian b. Ahmad.
8. Pn. Normah bt. Ali.
9. Pn. Ong Chui Eng.
10. En. Ramly b. Ahmad.
11. Pn. Ropidah bt. Hj. Yaakob.
12. Pn. Siti Madziah bt. Mohamed.
13. Pn. Yap Soo Huat.
14. En. Yunus b. Sulaiman.
15. En. Zulkifli b. Abd. Malek.
16. Cik Zuraida bt. Abdullah.









Sehari Bersama Pelanggan

Program sehari bersama pelanggan BPFK diadakan pada setiap hari Sabtu kedua setiap bulan. Pelanggan-pelanggan boleh datang pada hari ini untuk mendapat bantuan atau penjelasan daripada mana-mana pegawai mengenai masalah atau kemusykilan yang berkaitan. Pelanggan boleh berjumpa dengan pegawai atasan atau Pengarah jika pegawai yang ingin ditemui tidak ada atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan.



Perhimpunan Pagi Bulanan

Perhimpunan pagi bulanan BPFK telah dimulakan pada bulan Jun 2004. Biasanya perhimpunan akan diadakan pada hari Khamis pertama setiap bulan kecuali atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan. Atur cara untuk perhimpunan ini ialah bacaan doa, amanat dan nasihat daripada Pengarah BPFK, taklimat mengenai isu-isu semasa oleh pegawai kanan BPFK, nyanyian lagu kebangsaan serta lagu-lagu patriotik, bacaan ikrar perkhidmatan awam dan perkenalan pegawai-pegawai baru jika ada. Sepanjang tahun 2004, perhimpunan bulanan telah diadakan sebanyak 7 kali.

latihan & pembangunan sumber manusia

Program Latihan & Pembangunan Sumber Manusia

Dalam proses untuk memantapkan keupayaan sumber manusia supaya lebih kompeten, berpengetahuan, memiliki nilai peribadi yang positif, mempertingkatkan kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian dalam perkhidmatan awam serta memenuhi kehendak pelanggan, satu program latihan yang mantap perlu disediakan oleh pihak pengurusan BPFK.

BPFK dalam program latihan ini telah menganjurkan kursus, seminar, ceramah saintifik secara bersendirian atau bekerjasama dengan pihak industri. BPFK juga menggalakkan anggotanya menghadiri kursus serta seminar berkaitan yang dianjurkan oleh pihak lain dalam negeri mahupun di luar negara.

Satu program "Continuous Professional Development (CPD)" telah diperkenalkan dalam tahun 2004 sebagai satu program untuk pembelajaran berterusan seperti yang dituntut sebagai penjawat awam bagi Pegawai Farmasi dan Pembantu Farmasi. Sepanjang tahun 2004, sebanyak 22 sesi CPD telah dianjurkan oleh BPFK dengan kerjasama pihak industri atau agensi lain dan sebanyak 8 sesi 'NCE Preview' telah diadakan.

Kursus, latihan, seminar, persidangan serta bengkel yang telah dihadiri oleh anggota BPFK sepanjang tahun 2004 adalah seperti dalam Jadual 11 dan 12.

Beberapa anggota BPFK dilantik sebagai 'WHO Consultant' atau 'Temporary Advisor/Expert'/ Fasilitator dalam bidang spesifik bagi mesyuarat atau bengkel yang dikendalikan oleh WHO atau dalam program kerjasama ASEAN dan ada juga yang terlibat dalam program yang memerlukan kepakaran dalam bidang tertentu (Jadual 13).

Beberapa anggota BPFK telah dijemput untuk memberi ceramah mengenai topik yang relevan di dalam negeri dan juga di luar negara (Jadual 14).

Selain daripada program latihan untuk kakitangannya, BPFK juga menganjurkan kursus untuk pihak industri terutama dalam bidang kawalan kualiti ubat tradisional.

Jadual 11 : Latihan/Kursus Yang Disertai

BIL.	LATIHAN	TEMPAT	TARIKH	BIL. PESERTA
1.	Latihan Pemeriksaan GMP	BPFK	6-7/1/2004	1
2.	Latihan Pengguna untuk alat pelarutan PWT 300	BPFK	6-9/1/2004 & 13-15/1/2004	11
3.	Latihan Teknik Mengaudit Makmal Mikrobiologi-Ujian MLT	BPFK	10/1/2004	9
4.	Latihan 'Amino Acid Analysis Using Pre-Column Derivatization' menggunakan kaedah ACCQ	BPFK	12/1/2004	20
5.	Kursus Komunikasi Berkesan Bahasa Inggeris Bil 1/04	Kampus Wilayah Tengah	12-16/1/2004	1
6.	Kursus Pengenalan PC	BPFK	19/1/2004	3
7.	Pemeriksaan APB Aspek Amalan Makmal Baik	AIN MEDICARE SDN BHD	19-21/1/2004	1
8.	Latihan Pengguna TLC	BPFK	19/1/2004	4
9.	Kursus 'Thin Layer Chromatography'	BPFK	29/1/2004	48
10.	Latihan Pengguna 'Clinical Waste'	BPFK	19/2/2004	7
11.	Kursus 'Desktop Productivity Spreadsheet' (Bil 1/2004)	INTAN	15-17/3/2004	1
12.	Kursus Induksi Awam & Khusus	J.K Selangor & Concord In KLIA, Sepang	7-24/4/2004	6
13.	Pengenalan kepada ISO 9001:2000	BPFK	12/4/2004	11
14.	Latihan untuk 'CGMP Compliance for Biopharmaceutical API Manufacturing'	Hotel Equitorial, Bangi	12-16/4/2004	1
15.	Kursus 'Internal QMS Auditor'	BPFK	14-15/4/2004	9
16.	Latihan Sangkutan di 'Drug Control Division, Veterinary Group, Thai FDA'	Bangkok	19-21/4/2004	1
17.	Kursus Penilaian Kecekapan 4	Palm Garden IOI Hotel, Putrajaya	19-30/4/2004	2
18.	Kursus Pengurusan Islam	INTAN, Bukit Kiara	20-22/4/2004	3
19.	Program Latihan Tentang Aktiviti Standardisasi Kebangsaan & A/B	SIRIM Berhad, Shah Alam	21/4/2004	1
20.	Latihan 'Fundamental of UV/Vis Spectroscopy'	BPFK	21/4/2004	43
21.	Solid Phase Extraction	UM	19/5/2004	2
22.	Latihan Pengguna untuk 'Particle Size & Colony Counters'	BPFK	3/6/2004	9
23.	Kursus Kesedaran Keselamatan & Kesihatan	BPFK	16/6/2004	10
24.	Pemeriksaan APB aspek Amalan Makmal Baik	Safire Pharmaceutical	6-7/7/2004	1
25.	Taklimat Penilaian Protokol	BPFK	7/7/2004	5
26.	Kursus Induksi Dalaman	BPFK	21/7/2004	24
27.	Latihan Pengguna Untuk 'Cleansing Maintenance'	BPFK	22/7/2004	1
28.	Kursus Keselamatan Perlindungan Modul Pengurusan	Putrajaya	3-5/8/2004	3
29.	Latihan untuk 'Aseptic Process'	Puri Pujangga, UKM	10-11/8/2004	1
30.	Kursus Komunikasi Korporat Bil 2/04	INTAN, Bukit Kiara	16-18/8/2004	1
31.	Latihan Pengguna untuk alat 'Maxi Dry'	BPFK	25/8/2004	15
32.	Latihan 'TLC for the analysis of Botanicals'	BPFK	26/8/2004	3
33.	Analisis Herba dengan Kaedah 'HPLC'	BPFK	26/8/2004	1
34.	Kursus 'HPLC'	BPFK	6/9/2004	46
35.	Latihan Auditor GMP	BPFK	10/9/2004	13
36.	Kursus Kepimpinan & Pengurusan Utama (JUSA)	INTAN, Bukit Kiara	16/9-8/10/2004	1
37.	Latihan 'Kwik Stik-Use Instruction'	BPFK	17/9/2004	10
38.	Latihan untuk 'Technique on Quadrapole LC/MS'	Wood-Dale, Illinois, USA	27-30/9/2004	2
39.	Kursus Amali Pengawalan Mutu Ubat Tradisional	BPFK	4/10/2004	32
40.	Latihan tentang Hologram untuk Penguatkuasa Farmasi	Johor Bahru	4-5/10/2004	1
41.	Latihan Auditor GMP	BPFK	6-7/10/2004	10
42.	Audit Penyiasatan	BPFK	9/10/2004	1
43.	Kursus 'AA Spectrophotometer'	BPFK	13/10/2004	46
44.	Kesan Toksik Bahan Kimia & Cara Pengendalian Bahan Kimia	BPFK	15/10/2004	3
45.	'Regional Laboratory Training on Harmonisation of ASEAN Cosmetics' test methods (tretinoin & colorants)	HSA, Singapore	11-15/10/2004	2
46.	'Regional Laboratory Training on Harmonisation of ASEAN Cosmetics test methods'	Badan POM Jakarta	22-26/11/2004	1
47.	'Regional Laboratory Training on Harmonisation of ASEAN Cosmetics test methods'	Bangkok, Thailand	29/11-3/12/2004	3
48.	'Regional Laboratory Training Harmonisation of ASEAN Cosmetics test methods'	BPFK	6-10/12/2004	4
49.	Kursus Pengenalan Perkhidmatan Farmasi bagi Pegawai Farmasi baru 2003	Crystal Crown Hotel, Port Klang	5-7/12/2004	2
50.	Program Ph. D	USM	2004	4
51.	Program 'Masters Degree'	UM	2004	2

Jadual 12 : Seminar/Persidangan/Bengkel yang dihadiri

BIL.	SEMINAR/PERSIDANGAN/BENGKEL	TEMPAT	TARIKH	BIL. PESERTA
1.	Seminar 'Limulus Amebocyte Lysate (LAL) 2004'	Hyatt Regency Saujana Hotel, Subang	14/1/2004	5
2.	Seminar 'Regulation & Safety of Dietary Supplement'	Hotel Holiday Villa, Subang	15/1/2004	10
3.	Persidangan 'Integration on Healthcare Industry In ASEAN'	Singapore	16/1/2004	1
4.	Seminar 'Regulatory Updates on Vaccines'	BPFK	19/1/2004	11
5.	Seminar 'Supelco Discovery HPLC Column & Equity GC Column'	BPFK	24/1/2004	3
6.	Seminar 'Workshop On Advertising vs Information In Medical Profession'	HKL	9-10/2/2004	1
7.	Seminar 'Vaccinology'	Sheraton Hotel	9-10/2/2004	2
8.	'International Conference of Drug Regulatory Authorities (ICDRA)' yang ke-11	Madrid, Spain	16-17/2/2004	2
9.	Bengkel 'IDB COMSTECH INTROM IMR on Herbal Medicine'	IMR-KL	16-20/2/2004	2
10.	'Laboratory Accreditation to ISO/IEC 17025'	Hotel Blue Wave, Shah Alam	19/2/2004	1
11.	'Management Of Environmental Hazardous Substances'	Renaissance Palm Garden Hotel, Putrajaya	26/2/2004	1
12.	Seminar 'Launching & Working' untuk Sub-program Kosmetik	Manila, Philippines	1-3/3/2004	1
13.	Taklimat untuk 'Privatise HSS'	BPFK	2-3/3/2004	1
14.	'Microbiology QA For Biopharmaceutical Industry'	Hotel Equatorial, Bangi	24/3/2004	4
15.	'Safety & Benefits of Food Supplements (Public Talk)'	Eastin Hotel, PJ	29/3/2004	1
16.	Persidangan untuk 'Fixed Dose Combination'	Gaborone Sun Hotel, Botswana	29-30/3/2004	1
17.	'International Conference on Improving Use Of Medicines (ICIUM)' yang ke-2	Chiangmai, Thailand	30/3-2/4/2004	1
18.	Program Sehari Bersama BPFK oleh CPF Wilayah	BPFK	4/4/2004	3
19.	Persidangan 'IFPMA ASEAN Regulatory' yang ke-4	Kerry Hotel, Beijing China	4-8/4/2004	1
20.	Seminar 'Generic Pharmaceuticals'	Hotel Equatorial Bangi	7/4/2004	3
21.	Seminar 'Risk Assessment -Use Of Antibiotic In Food'	Bangkok	7/4/2004	1
22.	Persidangan untuk 'Healthy Ageing'	Berjaya Times Square, KL	9-11/4/2004	1
23.	Seminar PRISMA	Putrajaya	10/4/2004	1
24.	Simposium Kebangsaan 'Adolescent Health' ke-2	Hotel Evergreen	10/4/2004	1
25.	'Regional Seminar on Healthcare Financing Traditional Medicines'	-	15-17/4/2004	1
26.	Simposium Saintifik 'Erythropoietin' yang ke-3	Nexuskarambrunei, Sabah	16-18/4/2004	1
27.	Seminar Kebangsaan untuk 'Regulatory Procedure on Traditional Products & NCE'	Marriot Hotel, Putrajaya	19-20/4/2004	5
28.	Seminar dan Bengkel - 'Update of Cosmetic Registration'	Hyatt Saujana Subang	24/4/2004	1
29.	Forum Industri tentang Pendaftaran ubat tradisional	JW Marriot, Putrajaya	24/4/2004	2
30.	Seminar 'Preservation of Progency Islamic Perspective'	UITM, Shah Alam	27-28/4/2004	1
31.	Seminar 'GMP for Packaging Materials Suppliers'	Holiday Villa, Subang Jaya	28/4/2004	1

Jadual 12 : Seminar/Persidangan/Bengkel yang dihadiri (sambungan)

BIL.	SEMINAR/PERSIDANGAN/BENGKEL	TEMPAT	TARIKH	BIL. PESERTA
32.	Persidangan Pengurusan KKM (Bil 1/2004)	Hotel Concorde Shah Alam	28-30/4/2004	1
33.	Seminar 'Environmental & Chemical Analysis'	BPFK	6/5/2004	4
34.	Seminar Kesedaran & konsensus Mengenai MDI CFC	Subang Sheraton	9/5/2004	7
35.	Seminar 'Rethinking Malaysia-Meeting the challenges of a new era'	Hotel Nikko, KL	10/5/2004	1
36.	Persidangan PF N. Selangor	Hotel Residence, UTM Bangi	14-16/5/2004	2
37.	Simposium 'Endocrine Disrupting 'Chemicals (EDC)'	Fakulti Pergigian, UM	17-18/5/2004	2
38.	Persidangan R & D Farmasi	Hotel Pan Pacific, KLIA	17-20/5/2004	1
39.	Seminar Ubat-Ubatan Antiretroviral	Hotel Cititel, KL	22/5/2004	3
40.	Seminar Pendaftaran Kosmetik	Hotel Grand Riverview, Kelantan	23/5/2004	2
41.	Seminar 'CNS Illness'	Hotel Singgahsana, PJ	27/5/2004	1
42.	Persidangan 'DIS'	City Bayview, Langkawi	9-10/6/2004	1
43.	Seminar untuk 'APIs PIC/S'	Barcelona, Spain	16-18/6/2004	1
44.	Seminar untuk 'Practical Approach to Gynaecology'	Armada Hotel, PJ	20/6/2004	2
45.	Majlis Orientasi Pegawai Farmasi U48	BPFK	21/6/2004	23
46.	Persidangan Perkhidmatan Awam Ke-9	INTAN Bukit Kiara	24-26/6/2004	1
47.	Seminar Kesedaran Kepenggunaan barangan kosmetik dan makanan supplemen	Hotel Palm Garden IOI	26/6/2004	1
48.	'Developing Psychiatric Services for 2020 : Challenges Ahead'	JW Marriot, KL	26/6/2004	1
49.	Forum 'Asia Pharmaceutical 2004'	Sentosa Hotel, Singapura	13-15/7/2004	1
50.	Seminar Tumbuhan & Ubatan Beraroma	FRIM, Kepong	20-21/7/2004	1
51.	Seminar 'Thailand International On ASEAN Harmonization' Ke-3	Amari Watergate Bangkok, Thailand	21/7/2004	1
52.	'Regional Workshop on Quality Control Of Medicinal Plant Product In SEA'	Hotel Vistana, KL	23-24/7/2004	1
53.	Bengkel 'Good Clinical Practice'	Crown Princess Hotel, KL	24-26/7/2004	1
54.	Seminar 'Evidence Based Medicine'	Imperial Sheraton	26/7/2004	1
55.	Persidangan 'National Health Outcomes' yang Pertama	Sheraton Imperial Hotel, KL	27-28/7/2004	3
56.	Persidangan Penguatkuasa Farmasi (risikan & siasatan)	Swiss Garden Golf & Spa, Kuantan	29/7-1/8/2004	1
57.	Persidangan Saintifik UiTM-MPS	Berjaya Times Square, KL	6-8/8/2004	3
58.	Seminar 'Global Trend in Vaccinology'	Bandung, Indonesia	6-9/8/2004	2
59.	Seminar 'Recent Advances In Tools For Protein ID & Biomarker Discovery'	Hotel Equatorial Bangi	10/8/2004	3
60.	Seminar 'Ion Chromatography'	Hyatt Regency Saujana, Subang	12/8/2004	1
61.	Seminar 'Atherothrombosis'	The Amari Watergate Hotel, Bangkok Thailand	13-15/8/2004	5
62.	Majlis Taklimat Pelaksanaan Modul Sebutharga Projek ePerolehan PTJ KKM	Institut Pengurusan Kesihatan, KL	18/8/2004	1
63.	Persidangan 'ASEAN Congress of Pediatric Infectious Diseases' ke-2	Sutera Harbour Kota Kinabalu	2-4/9/2004	1
64.	Persidangan 'KL Mental Health Conference 2004' ke-4	Prince Hotel & Residence KUALA LUMPUR	6-8/9/2004	1
65.	Persidangan R&D Farmasi	Pan Pacific KLIA	6-8/9/2004	5

Jadual 12 : Seminar/Persidangan/Bengkel yang dihadiri (sambungan)

BIL.	SEMINAR/PERSIDANGAN/BENGKEL	TEMPAT	TARIKH	BIL. PESERTA
66.	Taklimat 'Total Pure Water Solution from LAB to Building'	Cyberjaya Lodge, Cyberjaya	7/9/2004	1
67.	Forum 'Malaysian Standard for Certification'	SIRIM	9/9/2004	1
68.	Bengkel untuk 'Harmonisation of ASEAN Testing Methods For Cosmetics'	Hotel Sheraton, Subang	13-17/9/2004	3
69.	Seminar Antarabangsa untuk 'Challenges & Prospects in Global Market'	Marriott Hotel, Putrajaya	28-30/9/2004	1
70.	Bengkel 'EC-ASEAN' untuk 'Centralised System of Marketing Authorisation and Mutual Recognition Agreements for Pharmaceuticals'	Hotel Ambahara, Jakarta	29-30/9/2004	1
71.	Seminar- 'Pharmaceutical Non-Viable Particular Monitoring & Parenteral'	Sunway Lagoon Resort Hotel	30/9/2004	1
72.	Bengkel EC-ASEAN 'Regional Training on ACTD/ACTR'	Hotel Crown Princess, KL	11-15/10/ 2004	3
73.	Ceramah 'Principal Of Skin Toxicity Test & Abnormal Toxicity Test'	BPFK	1/10/2004	6
74.	Bengkel untuk 'GMP and QA of Antimalarial Medicines with Emphasis on Prequalification of ACT's'	Bangkok, Thailand	18-22/10/ 2004	1
75.	Bengkel 'EC-ASEAN Regional Workshop untuk 'Access to Reference Substances'	Asia Hotel, Bangkok,Thailand	21-22/10/ 2004	3
76.	'Australian Natural Health Products Showcase & Forum'	Hotel Le Meridien, KL Sentral	22/11/2004	1
77.	Bengkel 'Evidence-based' untuk Medicine Clinical Epidemiology	Insitute Of Health, Bangsar	22-24/11/ 2004	1
78.	Ceramah Persediaan untuk Peperiksaan PTK 1 & PTK 2	BPFK	24/11/2004	39
79.	Seminar 'MPS Entrepreneurship & Management in Pharmacy'	Hotel JW Marriot, KL	27-28/11/ 2004	2
80.	Seminar :'The New Frontier in Quantitative & Qualitative GC'	Mines Resort City	30/11/2004	1
81.	Persidangan Pegawai Farmasi Gred U48 (Kumpulan 2004)	Hotel Vistana, Kuantan	8-9/12/2004	1

Jadual 13 : Anggota BPFK sebagai Konsultan/Temporary Adviser/Expert/Fasilitator

BIL.	NAMA ANGGOTA	PERKHIDMATAN SEBAGAI KONSULTAN/PENASIHAT/EXPERT
1.	Arpah Abas	Sebagai Ahli Panel Penilaian Projek IRPA Kategori Strategic Research, 16-20/05/2004 dan 29/09/2004, UPM Selangor
2.	Dr. Sulaikah Moideen	Sebagai konsultan WHO pada mesyuarat 'Assessing Safety and Quality of Herbal Medicines with Reference to Contaminants and Residues', 12 -14 Julai 2004, Milan, Italy
3.	Eisah A. Rahman	Sebagai 'Co-writer for USP Drug Quality Control Guide for Low Income Countries', Mac 2004, Chiangmai
		Sebagai Fasilitator pada bengkel 'Asian Workshop on Drugs for Neglected Diseases Initiative DNDI)', Februari 2004, Kuala Lumpur
		Sebagai Pengerusi 'EC-ASEAN Conference on Centralised Marketing Authorisations and Mutual Recognition System for Pharmaceuticals', September 2004, Jakarta
		Sebagai 'Co-Chair of Product Working Group Traditional Medicines and Health Supplements under ACCSQ', Ogos 2004, Jakarta
		Sebagai Fasilitator bagi Sesi Kumpulan Regulator pada 'The 2nd Asian Regional Workshop on the WTO/TRIPS Agreement and Access to Medicines: Appropriate Policy Responses', November 2004, Kuala Lumpur
		Sebagai Konsultan pada 'Expert Consultation on ACTD and ACTR under ASEAN Harmonization Program', 19-20 Julai 2004, Bangkok, Thailand
4.	Faridah Abd. Malek	Sebagai ASEAN Senior Expert pada 'Regional Laboratory Training on Harmonisation of Asean Cosmetic Test Methods', 6-10 Disember 2004, BPFK, Petaling Jaya
5.	Fudziah Ariffin	Memberi latihan kepada 'the Drug Administration of Vietnam' yang merangkumi implementasi ASEAN Common Technical Dossier/ Requirement in line with ASEAN Harmonisation', 30 Mei-6 Jun 2004, Vietnam
		Sebagai 'WHO Temporary Adviser' pada mesyuarat '8th ACCSQ-PPWG Meeting & 3rd Thailand International Seminar on ASEAN Harmonisation', 21-23 Julai 2004, Bangkok, Thailand
		Sebagai 'WHO Temporary Adviser' pada mesyuarat 'WHO Consultation on Stability Studies in a Global Environment', 13-14 Disember 2004, Geneva
		Sebagai Konsultan pada 'Expert Consultation on ACTD and ACTR under ASEAN Harmonisation Program', 19-20 Julai 2004, Bangkok Thailand
6.	Kadariah Mohd. Ali	Terlibat dalam penyediaan 'Guidelines on Requirements for the Development of Pharmacy Department' Kementerian Kesihatan
		Sebagai Konsultan Teknikal untuk pembinaan 'Clean rooms for CDR activities, TPN, Eye-drop and IV Admixtures production' di hospital Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pertahanan
		Sebagai Ahli 'Evaluation Expert Committee' bagi 'Clean room Suppliers' untuk hospital kerajaan
		Sebagai Expert dalam 'Construction of New Facilities for the Manufacture of Sterile Products and Ventilation and Purification Systems'
		Sebagai ASEAN Expert untuk program 'GMP Inspection and Premises Licensing System' di bawah Program EC-ASEAN, Indonesia
		Sebagai auditor dalam 'Joint Inspection (PIC/S)', November 2004, Switzerland
7.	Mohammad Lukmani Ibrahim	Sebagai auditor dalam 'Biotechnology Joint Inspection (PIC/S)', 1-4 Jun 2004, Hague & Groningen, Netherlands
		Sebagai ASEAN Senior Expert bagi GMP dalam 'Preparation Workshop and ASEAN Cosmetic Committee and in Regional Assessment GMP for Cosmetic' di bawah Program EC-ASEAN, 18-20 Ogos 2004, Singapore
		Sebagai ASEAN Senior Expert bagi 'Regional Assessment GMP for cosmetics' di bawah Program EC-ASEAN, 1-4 September 2004, Jakarta Indonesia; 7-9 September 2004, Ho Chi Minh City, Vietnam
8.	Noorizam Ibrahim	Menyertai kumpulan WHO-ASEAN dalam 'the review visit to the regulatory authority of Thailand in conjunction with WHO-ASEAN project on harmonisation of regulatory requirements', 26-30 April 2004, Bangkok
		Memberi latihan kepada 'the Drug Administration of Vietnam' yang merangkumi implementasi 'ASEAN Common Technical Dossier/ Requirement in line with ASEAN Harmonisation', 30 Mei-6 Jun 2004, Vietnam
9.	Siti Madziah Mohamed	Sebagai ASEAN Expert pada 'EC-ASEAN Regional Workshop on Access to Reference Substances', 21-22 Oktober, Bangkok, Thailand
10.	Yogeswary Markandoo	Sebagai 'Vice-Chairperson of 21st Meeting of the ASEAN Working Group on Technical Cooperation in Pharmaceutical', 22-24 September 2004, Vientiane, Lao PDR

Jadual 14 : Anggota BPFK sebagai penceramah

BIL.	NAMA ANGGOTA	TAJUK	TARIKH/TEMPAT
1.	Abida Haq	'Factors for Success in Pharmacovigilance' yang dibentangkan pada Persidangan ke-11 'International Conference for Drug Regulatory Authorities (ICDRA)'	19 Februari 2004, Madrid
		'Pharmacovigilance Planning: Impact on Non-ICH Countries' yang dibentangkan pada persidangan tahunan 'International Society for Pharmacovigilance'	7 Oktober 2004, Dublin, Ireland
		'Monitoring Safety of Dietary Supplements' yang dibentangkan pada seminar yang dianjurkan oleh 'the Direct Selling Association of Malaysia'	29 Mac 2004, Petaling Jaya
		'Food Supplements - Do we really need them?' yang dibentangkan pada Forum yang dianjurkan oleh Bahagian Kesihatan Keluarga, Kementerian Kesihatan	13 Julai 2004, Kuala Lumpur
		'Studies on Adverse Drug Reactions to Traditional Medicines' yang dibentangkan pada Seminar 'Research and Development in Pharmacy'	7 September 2004, Sepang
2.	Anis Talib	'Regulations and The Control of Food Supplements & Cosmetics in Malaysia' yang dibentangkan pada Seminar Kesedaran Pengguna anjuran Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri di beberapa negeri	Januari 2004, Langkawi; 28 Februari 2004 & Oktober 2004, Perlis; 5-7 Mac 2004, Sarawak (Sarikei, Kapit & Sibu) 17 April 2004, K. Lumpur 17 Mei 2004, Sandakan, Sabah
		'Overview of Cosmetic Regulations' yang dibentangkan pada Seminar Pendaftaran Kosmetik anjuran BPFK dan CTFA	23-24 Mac 2004, Subang Jaya
		'Current Issues on the Control and Registration Of Cosmetics' yang dibentangkan pada Seminar Pendaftaran Kosmetik anjuran Jabatan Farmasi negeri Kelantan	23 Mei 2004, Kelantan
		'Current Issues on the Control and Registration Of Cosmetics' yang dibentangkan pada seminar anjuran Jabatan Farmasi negeri Selangor	11 Ogos 2004, Klang; 28 Ogos 2004, Shah Alam
		'The Control of Health Supplement and Cosmetics' yang dibentangkan pada Seminar Kosmetik anjuran Jabatan Farmasi Melaka dan HEP Melaka	4 Disember 2004, Melaka
		'Progress on ASEAN Harmonised Cosmetic Regulatory Scheme in Malaysia' yang dibentangkan pada 'The 2nd ASEAN Cosmetic Committee (ACC) Meeting & 1st ASEAN Cosmetic Scientific Body (ACSB) for Cosmetics'	7-9 Jun 2004, Bangkok, Thailand
		'Progress on ASEAN Harmonised Cosmetic Regulatory Scheme in Malaysia' yang dibentangkan pada 'The 3rd ACC Meeting & 2nd ACSB Meeting'	7-9 Disember 2004, Yogyakarta, Indonesia.
3.	Arpah Abas	'Regulation of Blood Product in Malaysia' yang dibentangkan pada Mesyuarat 'Development of Harmonisation of QA System in Blood Product FDA/WHO'	30 Oktober 2004, Thailand
		'Overview: Regulations of Biotechnology Products in Malaysia' yang dibentangkan pada 'The National Seminar on Regulatory Procedure for Traditional Medicinal Product and New Chemical Entity' anjuran Direktorat Bioteknologi, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar	20 April 2004. Putrajaya,
		'Overview: Product Registration' yang dibentangkan pada Mesyuarat Tentang Isu-isu Halal, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)	30 April 2004, Putrajaya
4.	Bariah Abdul Rani	'Product Classification' yang dibentangkan pada 'The National Seminar on Regulatory Procedure for Traditional Medicinal Product and New Chemical Entity' anjuran Direktorat Bioteknologi, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar	19 April 2004, Putrajaya
5.	Dr. Sulaikah Moideen	Teknik Mengaudit Makmal Mikrobiologi (Ujian MLT)	10 Januari 2004, BPFK, Petaling Jaya
		Kursus PTK 4 Pembantu Farmasi	25 Februari 2004, Nilai
		Kawalan Kualiti Produk (Aspek Pengujian) yang dibentangkan pada 'The National Seminar on Regulatory Procedures for Traditional Medicine Products and New Chemical Entities' anjuran Direktorat Bioteknologi, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar	20 April 2004, Putrajaya

Jadual 14 : Anggota BPFK sebagai penceramah (sambungan)

BIL.	NAMA ANGGOTA	TAJUK	TARIKH/TEMPAT
6.	Dr.Tajuddin Akasah	'Good Manufacturing Practice (GMP) for Investigational Medicinal Product (IMP)' yang dibentangkan di 'Clinical Research Centre', Kementerian Kesihatan Malaysia	26 Julai 2004; 5 Disember 2004, CRC, Kuala Lumpur
		'GMP and Safety Requirement of Total Parenteral Nutrition (TPN) and Cytotoxic Drug Reconstitution (CDR) Facilities' yang dibentangkan pada Persidangan Pegawai Farmasi U48 anjuran Bahagian Perkhidmatan Farmaseutikal, Kementerian Kesihatan Malaysia	9 Disember 2004, Kuantan
		'GMP in Herbal/Biotech Manufacturing' yang dibentangkan pada 'The National Seminar on Regulatory Procedures for Traditional Medicinal Products and New Chemical Entities' anjuran Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Malaysia	April 2004, Putrajaya
		'GMP for Traditional Medicines' yang dibentangkan pada Seminar yang dianjurkan oleh Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM)	21 Julai, 2004, Kuala Lumpur
		'GMP and GSP for Cosmetics' yang dibentangkan pada Seminar Pendaftaran Kosmetik anjuran Jabatan Farmasi Negeri Kelantan	23 Mei 2004
		Halatuju BPFK dalam GMP dalam Jangkamasa Panjang dibentangkan dalam seminar yang dianjurkan oleh PURBATAMA	19 April 2004, Langkawi
		'GMP - an update' yang dibentangkan dalam Persidangan Farmasi Sabah	6 Oktober 2004, Kudat, Sabah
		'ASEAN Guidelines for Cosmetic GMP' yang dibentangkan pada Seminar Pendaftaran Kosmetik anjuran BPFK dan CTFA	Mac 2004, Subang Jaya
7.	Dr. Kamaruzaman Saleh	'Regulatory Aspects of Clinical Trial in Malaysia' yang dibentangkan pada bengkel GCP, Universiti Sains Malaysia	17 Ogos 2004, Kubang Krian
		'Regulatory Aspects of Clinical Trial in Malaysia' yang dibentangkan pada Mesyuarat Pelaksanaan GCP	3 September 2004, Mersing
8.	Eisah A. Rahman	'Promoting Good Regulatory Practice, Malaysian Experience' yang dibentangkan pada Persidangan ke-11 'International Conference for Drug Regulatory Authorities (ICDRA)'	Februari 2004, Madrid
		'Current Review of Traditional Medicines Registration' yang dibentangkan pada Forum Industri mengenai Pendaftaran Ubat Tradisional	April 2004, Putrajaya
		'Malaysian Transition Strategy for the Phase out of CFC Use in MDI', yang dibentangkan pada Seminar Kesedaran 'CFC free MDIS'.	Mei 2004, Subang Jaya
		'Introduction to Cosmetic Control' yang dibentangkan pada Seminar Pendaftaran Kosmetik	Mei 2004, Kota Bharu
		'Regulatory Updates' yang dibentangkan pada Majlis Orientasi Pegawai Farmasi U48	Jun 2004, NPCB
		'Drug Policy in Malaysia: Improving Accessibility and Availability' yang dibentangkan pada Seminar Pertama 'National Health Outcome'.	Julai 2004, Kuala Lumpur
		'Regulating Pharmaceuticals in Malaysia - Challenges Faced by the National Pharmaceutical Control Bureau' yang dibentangkan pada Seminar MPS 'Entrepreneurship and Management in Pharmacy'	November 2004, Kuala Lumpur
		'Current Regulatory Development, Local, Regional and Global Challenges' yang dibentangkan pada Persidangan Pegawai Farmasi U48 Baru (2004)	Disember 2004, Kuantan
		'New Registration Procedure' yang dibentangkan pada Kursus PTK4 untuk Pegawai Farmasi U48	Mei dan Ogos 2004
		'GMP and Licensing' yang dibentangkan pada Kursus PTK4 untuk Pegawai Farmasi U48	Mei dan Ogos 2004
		'Policy, Issues and Recommendations (Group A- Fiji, Indonesia, Malaysia, Papua New Guinea, Philippines and Thailand)' yang dibentangkan pada 'Asian Regional Workshop on WTO/TRIPS Agreement and Access to Medicines'	November 2004, Kuala Lumpur

Jadual 14 : Anggota BPFK sebagai penceramah (sambungan)

BIL.	NAMA ANGGOTA	TAJUK	TARIKH/TEMPAT
9.	Fudziah Ariffin	'Regulatory Aspects of Clinical Trials in Malaysia', Bengkel GCP, Malaysia (5 kali)	
		'An Overview of NCE Registration in Malaysia'	April 2004, Putrajaya
		'Pharmacovigilance Initiatives in Malaysia' yang dibentangkan pada Persidangan 'IFPMA 4th Asian Regulatory'	April 2004, Beijing
		'Selection of BE Comparator Products' dibentangkan pada mesyuarat BA/BE 'in conjuction with 8th ACCSQ-PPWG Meeting & 3rd Thailand International Seminar on ASEAN Harmonisation'	20 Julai 2004, Bangkok, Thailand
		'ACTD Part 1: Administrative Data' yang dibentangkan pada Bengkel 'EC-ASEAN Regional Training Workshop on ACTD/ACTR'	Oktober 2004, Kuala Lumpur
10.	Jaafar Lassa	'Quality Assurance of Herbal Products in Malaysia' yang dibentangkan pada 'IDB-COMSTECT-INTROM IMR Workshop on Herbal Medicine,	16 Februari 2004, Kuala Lumpur.
		'New Regulation and Quality Control of Herbal Products' yang dibentangkan pada Dialog dengan Industri Herba Malaysia	Februari 2004
11.	Kadariah Mohd. Ali	'Pharmaceutical HVAC System'.	Februari 2004
		'GMP Requirements and Implementation'	April 2004, Seremban
		Keperluan APB untuk Industri Ubat Tradisional	April 2004, Putrajaya
		'GMP: Regulatory Requirements and Achievements of NPCB in PIC/S'	Jun 2004, Fraser Hill
		Pengenalan kepada ISO 9001-2000	Julai 2004, NPCB
		Penyediaan Laporan Pemeriksaan APB	September 2004, NPCB
		Audit Siasatan APB	September 2004, NPCB
		Amalan Penstoran Baik	September 2004, Hospital Kangar, Perlis
12.	Mazuwin Zainal Abidin	'Online Registration' yang dibentangkan pada 'National Seminar on Regulatory Procedure for Traditional Medicinal Product and New Chemical Entity' anjuran Direktorat Bioteknologi Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar	20 April 2004, Putrajaya
		'Control of Nutraceuticals and Cosmeceuticals in Malaysia' yang dibentangkan pada 'Seminar on Nutraceuticals, Complementary Medicine and Cosmeceuticals Asia - Middle East'	29 Jun 2004, Bangkok, Thailand
		'Procedure for Registration of Pharmaceutical Product' yang dibentangkan pada sesi CPD Bahagian Farmasi, Jabatan Kesihatan Selangor	28 Ogos 2004, Shah Alam
		'Pharmacy Regulatory' yang dibentangkan pada Persidangan Pembantu Farmasi Selangor 2004	16 Mei 2004, Bangi
13.	Muhammad Nasir Hashim	Amalan Makmal Baik yang dibentangkan kepada Pembantu Farmasi BPFK	24 November 2004, NPCB
14.	Saleha Mohd. Ewan	'Market Entry and Product Registration of Herbal and Natural Products in Malaysia' yang dibentangkan pada seminar anjuran 'Malaysian Herbal Corporation'	14 Oktober 2004, Jakarta
		'Registration of Traditional Medicine in Malaysia' yang dibentangkan pada 'National Seminar on Regulatory Procedure for Traditional Medicinal Product and New Chemical Entity' anjuran Direktorat Bioteknologi, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar	19 April 2004, Putrajaya
15.	Yogeswary Markandoo	'Progress Report by Malaysia on Implementation of Activities' yang dibentangkan pada '21st Meeting of the ASEAN Working Group on Technical Cooperation in Pharmaceutical'	22 - 24 September 2004, Vientiane, Lao PDR

penglibatan serantau & antarabangsa

Penglibatan Serantau Dan Antarabangsa

BPFK sebagai sebuah Pusat Kolaboratif WHO semenjak tahun 1996 bagi Kawalan Regulatori Farmaseutikal terus memainkan peranan aktif dalam hal ehwal regulatori di peringkat global mahupun di rantau ASEAN. Usaha kerjasama dalam harmonisasi keperluan regulatori di rantau ASEAN dipelopori dengan pembentukan 'Pharmaceutical Product Working Group (PPWG)' di bawah program *ASEAN Consultative Committee on Standards and Quality (ACCSQ)* dan BPFK memberi sokongan padu serta sumbangan teknikal secara berterusan kepada semua aktiviti untuk mencapai matlamat yang ditetapkan. Hasil positif daripada kerjasama tersebut telah menjadi perintis untuk kerjasama regulatori bagi kategori produk lain dan ini disusuli dengan penubuhan 'Cosmetic Products Working Group (CPWG)' dan 'Traditional Medicines & Health Supplements Working Group (TMHSWG)'. BPFK juga terlibat dalam program kerjasama ekonomi EC-ASEAN dan 'Pharmaceutical Inspection Cooperation Scheme (PIC/S)'. Aktiviti-aktiviti yang melibatkan anggota BPFK dalam arena serantau mahupun antarabangsa adalah seperti berikut :

- **Harmonisasi Farmaseutikal ASEAN**

Mesyuarat ke-8 *ASEAN Consultative Committee on Standards and Quality (ACCSQ) Pharmaceutical Product Working Group (PPWG)* diadakan pada 21 hingga 23 Julai 2004 di Bangkok, Thailand. Agenda utama mesyuarat adalah membincangkan skim harmonisasi keperluan regulatori farmaseutikal di rantau ASEAN supaya dapat menyempurnakan objektif *ASEAN Free Trade Area (AFTA)*, khusus bagi menghapuskan segala "technical barriers" ekoran tindakan regulatori dengan tidak memkompromi dalam kualiti, keselamatan atau efikasi ubat-ubatan. Ekoran pelancaran roadmap dalam integrasi sektor kesihatan di ASEAN, dua Kumpulan Kerja Produk (PWG) diwujudkan di bawah ACCSQ , iaitu satu bagi mengendalikan peralatan dan kelengkapan perubatan (medical device) manakala satu lagi bagi mengendalikan ubat tradisional dan supplemen kesihatan. Skim *Mutual Recognition Arrangement (MRA) for Pharmaceutical Sector* di ASEAN akan tercapai sekiranya *ASEAN Common Technical Dossier (ACTD) on Quality* berjaya diimplementasikan. Dalam usaha merapatkan kerjasama antara ASEAN dengan agensi antarabangsa, PPWG telah bekerja rapat dengan WHO dalam usaha mewujudkan *ASEAN Summary on Product Characteristics* (SPC). Berhubung *EC-ASEAN Regional Economic Cooperation Programme on Standards, Quality and Conformity Assessment,* Malaysia telah memberi sokongan yang padu dalam segala aktiviti.

- **Harmonisasi Kosmetik ASEAN**

Mesyuarat kedua *ASEAN Consultative Committee on Standards and Quality (ACCSQ) ASEAN Cosmetic Committee (ACC)* diadakan pada 7-8 Jun 2004 di Bangkok. Peranan ACC adalah meninjau implementasi perjanjian *ASEAN Harmonised Cosmetic Regulatory Scheme (AHCRS)* yang diusahakan di bawah 'Terms of Reference of the ASEAN Cosmetics Committee'. Malaysia telah mengambil bahagian dalam *Agreement on ASEAN Mutual Recognition Arrangement (MRA).* Perlaksanaan berikut telah dipersetujui untuk dilaksanakan: (i) menubuhkan '*Guidelines for the Implementation of the ASEAN Harmonised Cosmetic Regulatory Scheme*' *(ii)* '*Requirements for Notification under Schedule B-ASEAN*

Cosmetic Directives' (iii) penubuhan '*ASEAN Cosmetics GMP*' (iv) penubuhan '*ASEAN Cosmetic Scientific Body*'.
Mesyuarat mempertimbangkan cadangan untuk mempercepatkan implementasi AHCRS iaitu sebelum akhir tahun 2005.

- **'ACCSQ Product Working Group On Traditional Medicines And Health Supplements (ACCSQ TMHS PWG)'**

Mesyuarat pertama yang melibatkan Negara-negara ASEAN diadakan pada 25-26 Ogos 2004 di Jakarta, Indonesia. Tujuan *Product Working Group (PWG)* ini adalah untuk memberi sokongan dalam pelaksanaan roadmap bagi mengintegrasikan bidang kesihatan di negara-negara ASEAN. Ke arah ini, persetujuan telah dicapai bahawa segala sekatan teknikal perlu dihapuskan melalui harmonisasi teknikal dan persetujuan *mutual recognition.* Beberapa langkah dan strategi dilaksanakan seperti berkongsi maklumat dan piawaian analisis (analysis standards) yang sedia ada; menyeragamkan peraturan dan prosedur regulatori; serta keperluan teknikal di setiap negara ASEAN dikaji dan diatasi.

Susulan ini, satu mesyuarat bagi membincangkan langkah-langkah ke arah mengharmonisasikan keperluan-keperluan teknikal bagi ubat-ubatan tradisional dan suplemen kesihatan di Negara ASEAN dicadangkan pada tahun 2005. Sempena ini juga satu seminar berkaitan dengan ubat tradisional dan suplemen kesihatan juga dicadangkan.

- **'ASEAN Working Group on Technical Cooperation in Pharmaseuticals (AWGTCP)'**

Mesyuarat ke-21 AWGTCP diadakan pada 22-24 September 2004 di Vientiane, Lao PDR yang dihadiri oleh delegasi dari Brunei Darussalam, Cambodia, Indonesia, Lao PDR, Malaysia, Myanmar, Singapura dan Thailand.

Mesyuarat AWGTCP adalah acara penting dalam Sektor Farmaseutikal negara ASEAN yang diadakan setiap tahun. Objektif AWGTCP adalah untuk memperkukuh sektor farmaseutikal di semua negara ASEAN bagi memastikan bekalan ubat-ubatan penting yang berkesan, selamat dan berkualiti adalah mencukupi; bagi mencapai ketidakbergantungan pada orang lain dalam pembangunan sumber manusia dalam bidang tertentu dan untuk memudahkan pembangunan industri farmaseutikal berdaya maju di rantau ASEAN; dengan mengambilkira faktor kekuatan dan kepelbagaian setiap negara ASEAN. Salah satu misi AWGTCP adalah untuk memperhebat pembangunan sumber manusia dan peningkatan keupayaan dalam bidang yang perlu diberi keutamaan yang telah dikenalpasti; dan memperkukuh kolaborasi peringkat nasional, rantau ASEAN dan antarabangsa.

Pelan tindakan untuk tahun 2004 hingga 2008 telah dikaji semula dalam mesyuarat ini dengan mengambilkira kekangan kewangan dan teknikal. AWGTCP mengharapkan WHO akan terus bekerjasama untuk menghadapai cabaran-cabaran baru.

- **'Cosmetic Sub-Program PMS/PSE (1)'**

Dalam tahun 2004, BPFK telah terlibat secara aktif dalam aktiviti *Cosmetic Sub-Program* di bawah program kerjasama ekonomi EC-ASEAN bagi 'Standards, Quality and Conformity Assessment'. Aktiviti yang terlibat secara langsung ialah *Post Marketing Surveillance/Product Safety Evaluation - Laboratory Capacity Building [PMS/PSE (1)].*

Objektif aktiviti PMS/PSE (1) ini adalah untuk membuat penilaian atas makmal-makmal badan regulatori di rantau ASEAN; mengenalpasti tatacara ujian atas produk kosmetik untuk diselaraskan; mengenalpasti makmal regulatori di rantau ASEAN yang boleh menjalankan latihan atas tatacara ujian yang telah dikenalpasti; menjalankan 'Proficiency Testing Scheme' atas tatacara ujian yang

telah diselaraskan antara makmal regulatori di rantau ASEAN; dan menggunapakai tatacara ujian yang telah diselaraskan apabila "ASEAN Cosmetic Directive" dikuatkuasakan.

Tatacara ujian atas produk kosmetik yang telah dikenalpasti untuk diselaraskan adalah:-

1. Identifikasi tretinoin dalam produk kosmetik
2. Identifikasi pewarna yang tidak dibenarkan dalam produk kosmetik
3. Identifikasi dan penentuan hydroquinone dalam produk kosmetik
4. Identifikasi dan penentuan 2-phenoxy-ethanol, 1-phenoxypropan-2-ol, methyl, ethyl, propyl, butyl dan benzyl-4hydroxybenzoate dalam produk kosmetik
5. Identifikasi hydrocortisone acetate, dexamethasone, betamethaone and triamcinolone acetonide
6. Penentuan Logam Berat (mercury, lead. arsenic and cadmium)
7. 'Microbial Limit Test'
8. 'Preservative Efficacy Testing (PET)'

Singapura, Indonesia, Thailand dan Malaysia telah dikenalpasti untuk menjalankan latihan atas tatacara ujian yang akan diselaraskan. Latihan telah dijalankan dalam bulan November dan Disember 2004 dan dihadiri oleh peserta-peserta dari semua negara ASEAN. BPFK telah mengkoordinasikan latihan untuk ujian identifikasi steroid (hydrocortisone acetate, dexamethasone, betamethasone dan triamcinolone acetonide) dan 'Preservative Efficacy Testing' dalam bulan Disember 2004.

- **'Pharmaceutical Inspection Cooperation/Scheme'**

Sebagai ahli PIC/S, wakil-wakil dari BPFK telah menjadi peserta bagi program 'Biotechnology Joint Inspection' di Belanda pada bulan Jun 2004 dan 'Joint Inspection' di Switzerland pada bulan November 2004. BPFK juga memastikan keperluan APB semasa mematuhi keperluan APB PIC/S dan antarabangsa.

- **Lawatan dan Latihan Pengunjung dari Luar Negara**

Sebagai sebuah pusat kolaboratif WHO bagi kawalan regulatori produk farmaseutikal, BPFK meneruskan penyediaan latihan bagi WHO Fellows dalam pemastian kualiti farmaseutikal dan hal-ehwal regulatori. Sepanjang tahun 2004 BPFK telah menerima seramai 28 orang pelawat antarabangsa dan WHO fellows dari berbagai negara iaitu Brunei Darussalam, China, Cuba, Fiji, Hong Kong, Mongolia, Singapura, Afrika Selatan dan Vietnam. Latihan yang diberikan dalam program ini dirancang mengikut keperluan spesifik setiap peserta dan boleh diberi dalam aspek aktiviti Kawalan Kualiti, Pendaftaran Produk, Amalan Perkilangan Baik serta Pelesenan, dan aktiviti Farmakovigilans serta Surveillans.

- **Kerjasama Dua Hala**

Penglibatan serantau lain termasuklah mesyuarat teknikal serta kerjasama dua hala dengan negara ASEAN seperti Brunei, Singapura dan Indonesia dalam aspek kesihatan dan regulatori.

tinjauan belanjawan

Tinjauan Belanjawan

Semua hal berhubung dengan pengurusan kewangan dikendalikan oleh Unit Pentadbiran yang juga bertanggungjawab dalam pentadbiran am dan tugas-tugas lain yang bukan bidang profesional. Unit Pentadbiran memastikan bahawa semua anggota menikmati upahan gaji bulanan dan tuntutan-tuntutan rasmi dibayar dalam tempoh yang ditetapkan; dan mengawal peruntukan kewangan supaya sentiasa mencukupi bagi menjamin setiap aktiviti yang dirancang boleh mencapai objektif keseluruhannya.

- **Kewangan**

Pada tahun 2004, pembayaran upahan dan gaji untuk 177 anggota tetap dan 48 anggota sambilan berjumlah RM5,997,333.00

- **Kutipan Hasil**

Jumlah kutipan hasil untuk bayaran pendaftaran ubat-ubatan serta kosmetik, ujian makmal, lesen, perkhidmatan nasihat, jualan buku-buku garis panduan dan lain-lain bagi tahun 2004 ialah RM10,407,556 seperti dalam Jadual 15.

Jadual 15 : Kutipan Hasil (RM) (Tahun 1999-2004)

Tahun	Pendaftaran	Lesen	Makmal	Pemeriksaan	Bahan Cetak	Lain-lain	JUMLAH
1999	959,405	158,350	484,860	14,350	39,605	18,871	1,675,441
2000	1,111,440	152,100	502,620	6,500	28,340	27,193	1,828,193
2001	914,020	203,200	460,880	12,200	26,485	64,072	1,680,857
2002	2,002,370	454,800	745,839	24,700	28,875	55,669	3,312,253
2003	5,540,795	942,650	1,126,027	62,700	18,420	64,230	7,754,822
2004	8,837,250	1,062,200	342,882	81,295	16,055	67,874	10,407,556

Jadual 16 : Peruntukan dan Perbelanjaan Mengurus BPFK (Tahun 2004)

Kod Objek	Jenis Perbelanjaan Am	Peruntukan (RM)		Perbelanjaan (RM)		Baki	
		Asal	Dipinda	Perbelanjaan Bersih	%	(RM)	%
						Tanggungan	
10000	Emolumen	5,744,00	5,744,000	5,997,333	104.41	-253,333	-4.41
20000	Perkhidmatan dan Bekalan	7,950,000	7,959,000	7,563,326	95.03	362,068	4.55
30000	Aset (Harta Modal)	108,430	108,430	97,862	90.25	10,568	9.75
	JUMLAH	13,802,430	13,811,430	13,658,521	96.56	119,303	9.89

pihak berkuasa kawalan dadah

Ringkasan Polisi Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD)

Sepanjang tahun 2004, Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) telah bermesyuarat sebanyak sebelas (11) kali. Melalui mesyuarat PBKD ini, beberapa polisi terkini telah dibincangkan dan dipersetujui oleh anggota PBKD. Ringkasan polisi yang berkenaan adalah seperti dalam Jadual 17 di bawah:

Jadual 17 : Keputusan Penting PBKD Tahun 2004

MESYUARAT PBKD	POLISI
PBKD 155 27.1.2004	**"Product Authentication: Directive on security Device - Guidance For Labelling"** Mesyuarat bersetuju dengan cadangan: a) 'The implementation and use of the security device as a means to authenticate and verify drug product registration'. b) The inclusion of the proposed section headed "product authentication" as another condition for product registration, together with the product identification chart as a labelling guide to the affixing of the security device.
PBKD 156 24.2.2004	**Cadangan Pembatalan Pendaftaran Semua Keluaran Yang Mengandungi Cisapride** Mesyuarat bersetuju untuk tidak mendaftarkan keluaran yang mengandungi cisapride atas isu keselamatan. i) Syarikat-syarikat yang pernah mendaftarkan cisapride dibenarkan membawa masuk keluaran ini atas permintaan preskriber bagi penggunaan pesakit tertentu *(allow exemption on a named patient basis*) ii) Bagi produk yang sudah berdaftar dan sedang dipasarkan, pemegang pendaftaran akan diberi tempoh masa enam bulan dari tarikh keputusan PBKD diambil, untuk menarik balik produk dari pasaran di Malaysia.
	Cadangan Pembatalan Pendaftaran Semua Keluaran Yang mengandungi Herba *Comfrey & Senecio spp* Mesyuarat bersetuju untuk tidak mendaftarkan produk yang mengandungi Herba Comfrey *(symphytum officinale) & Senecio spp* atas isu keselamatan. Kedua-dua herba ini mengandungi pyrrolizidine alkaloid yang telah dikaitkan dengan kesan advers hepar. Bagi produk yang sudah berdaftar dan sedang dipasarkan, pemegang pendaftaran akan diberi tempoh masa enam bulan dari tarikh keputusan PBKD diambil, untuk menarik balik produk dari pasaran Malaysia.
	Kawalan Semua Ubat Batuk Farmaseutikal kepada saiz maksimum 120ml - kaji semula Mesyuarat telah bersetuju untuk membenarkan sedikit kelonggaran kepada had maksimum 120+/- *(plus-minus)*. Tarikh perlaksanaan masih kekal pada 1 hb April 2004.
PBKD 157 23.3.2004	**Isu Pendaftaran Semula Produk Dari Indonesia** Demi kepentingan dua-hala dan semangat kerjasama ASEAN, Malaysia dan Indonesia telah bersetuju untuk membenarkan produk-produk farmaseutikal dipasarkan di negara masing-masing mengikut peraturan-peraturan negara berkenaan, serta piawaian dan keperluan ASEAN.
	Kawalan Semula Ubat Batuk Farmaseutikal kepada saiz maksimum 120ml - kaji semula PBKD telah menerima rayuan dari pengilang tempatan untuk kebenaran mengilang pek 3.8L bagi tujuan eksport sahaja. Mesyuarat mengambil keputusan tidak membenarkan sebarang kelonggaran untuk tujuan eksport sahaja.

Jadual 17 : Keputusan Penting PBKD Tahun 2004 (sambungan)

MESYUARAT PBKD	POLISI
PBKD 157 23.3.2004	**Pertimbangan Penggunaan Tanda Halal Bagi Keluaran-keluaran Berdaftar Farmaseutikal, Tradisional dan Kosmetik** Mesyuarat bersetuju dengan cadangan untuk: (i) Mengekalkan polisi sedia ada iaitu tidak membenarkan logo HALAL digunakan untuk keluaran-keluaran farmaseutikal; (ii) Mengekalkan polisi sedia ada membenarkan logo HALAL digunakan untuk keluaran-keluaran kosmetik bagi pasaran tempatan dan eksport; (iii) Mempertimbangkan penggunaan logo HALAL yang diperakui dan dikeluarkan oleh JAKIM sahaja untuk ubat-ubat tradisional dan produk-produk tambahan khasiat makanan bagi pasaran tempatan dan eksport; & (iv) Mempertimbangkan penggunaan logo HALAL tersebut untuk produk-produk berkenaan berdasarkan permohonan dan bukan sebagai keperluan mandatori.
	Senarai Kajian Bioequivalens (BE) Bagi Produk Generik " Immediate Release" Mesyuarat mengambil maklum senarai tambahan baru produk generik yang perlu dijalankan kajian BE bagi tahun 2004/2005. **"Test Product (Pharmaceutical name)":** Stavudine, Nevirapine, Ritonavir, Ciprofloxacin, Ofloxacin, Clarithromycin, Metformin, Glibenclamide, Diltiazem, Salbutamol, Rifampicin, Sulpiride, Dexamethasone, Verapamil, Omeprazole & Prednisolone.
	"Proposal to request that the DCA consider parenteral preparations, peritoneal dialysis solutions and haemofiltration solutions (which are introduced into patients' bodies), which are packaged in different materials and pack sizes, as one product." Mesyuarat bersetuju mempertimbangkan produk jenis intravena, peritoneal dialysis dan haemofiltration yang dibungkus dalam bahan pembungkusan berlainan dan/atau saiz pek berbeza sebagai satu produk. Penilaian terperinci terhadap data kestabilan perlu dijalankan untuk memastikan jangkahayat simpan yang bersesuaian untuk setiap jenis bahan pembungkusan yang digunakan. Oleh itu, semua jenis pek bagi sesuatu keluaran dapat dikesan dalam satu fail.
PBKD 158 27.4.2004	**Cadangan Pembatalan Pendaftaran Semua Keluaran Yang mengandungi Terfenadine** Mesyuarat bersetuju dengan cadangan a) membatalkan pendaftaran semua produk yang mengandungi terfenadine. Tempoh masa enam bulan diberi dari tarikh keputusan PBKD dikeluarkan untuk memastikan keluaran tiada lagi di pasaran; & b) mengeluarkan semua produk yang dibatalkan pendaftaran dari lesen pengilang/lesen pengimport syarikat-syarikat berkenaan.
PBKD 159 27.5.2004	**Cadangan Melanjutkan Tempoh Pemasaran Keluaran-keluaran Kosmetik "Sedia Ada"** Mesyuarat mengambil maklum cadangan melanjutkan tempoh pemasaran keluaran-keluaran kosmetik "sedia ada" yang telah mengemukakan permohonan pendaftaran sebelum 31 Januari 2004, daripada 30 Jun 2004 kepada **31 Disember 2004**. Menjelang 1 Januari 2005 semua keluaran kosmetik yang berada dalam pasaran perlu mematuhi keperluan pelabelan seperti yang telah ditetapkan dalam Garis Panduan Pendaftaran Kosmetik.
	Cadangan menarik balik penggantungan pendaftaran produk mengandungi nimesulide, menghadkan posologi dan dos serta menghadkan indikasi. Mesyuarat bersetuju dengan cadangan: (i) Menarik balik penggantungan pendaftaran produk yang mengandungi nimesulide di Malaysia. (ii) Bagi produk yang mengandungi nimesulide dalam bentuk tablet untuk penggunaan oral, posologi dihadkan kepada 100mg dan dos maksima yang dibenarkan adalah 100mg dua kali sehari. (iii) Indikasi bagi produk yang mengandungi nimesulide bagi penggunaan oral dihadkan seperti berikut: a. Treatment of acute pain b. Symptomatic treatment of painful osteoarthritis c. Primary dysmenorrhoea (iv) Maklumat pada sisip bungkusan bagi produk yang dipasarkan di Malaysia diubahsuai supaya selaras dengan maklumat yang terkandung dalam SPC Eropah. (v) Pemegang pendaftaran produk yang mengandungi nimesulide dipertanggungjawabkan untuk memaklumkan kepada pihak profesional tentang indikasi yang dibenarkan oleh PBKD, dos maksima baru dan kontraindikasi berkaitan penggunaan nimesulide supaya risiko kepada pengguna diminimakan.

Jadual 17 : Keputusan Penting PBKD Tahun 2004 (sambungan)

MESYUARAT PBKD	POLISI
PBKD 160 1.7.2004	**Tambahan amaran berkaitan dengan hyperglycaemia bagi keluaran "Atypical Antipsychotic Agents"** Mesyuarat membuat keputusan berikut: (i) Amaran berkaitan dengan kesan advers "hyperglycemia" wajib untuk dimuatkan pada sisip bungkusan bagi semua keluaran yang merupakan agen "atypical antipsychotic". (ii) Keluaran yang terlibat adalah produk yang mengandungi bahan aktif berikut: Clozapine, olanzepine, risperidone, quetiapine, ziprasidone & aripiprazole. (iii) Amaran yang perlu dimuatkan di bawah bahagian "Warning" adalah seperti berikut: **WARNINGS:** **Hyperglycemia and Diabetes Mellitus** Hyperglycemia in some cases extreme and associated with ketoacidosis or hyperosmolar coma or death, has been reported in patients treated with atypical antipsychotics. Assessment of the relationship between atypical antipsychotic use and glucose abnormalities is complicated by the possibility of an increased background risk of diabetes mellitus in patients with schizophrenia and the increasing incidence of diabetes mellitus in the general population. Given this confounders, the relationship between atypical antipsychotic use and hyperglycemia-related adverse events is not completely understood. However, epidemiological studies suggest an increased risk of treatment-emergent hyperglycemia-related adverse events in patients treated with the atypical antipsychotics. Precise risk estimates for hyperglycemia-related adverse events in patients treated with atypical antipsychotics are not available. Patients with an established diagnosis of diabetes mellitus who are started on atypical antipsychotics should be monitored regularly for worsening of glucose control. Patients with risk factor for diabetes mellitus (e.g. obesity, family history of diabetes) who are starting treatment with atypical antipsyhotics should undergo fasting blood glucose testing at the beginning of treatment and periodically during treatment. Any patient treated with atypical antipsychotics should be monitored for symptoms of hyperglycemia including polydipsia, polyuria, polyphagia, and weakness. Patients who develop symptoms of hyperglycemia during treatment with atypical antipsychotics should undergo fasting blood glucose testing. In some cases, hyperglycemia has resolved when the atypical antipsychotic was discontinued; however some patients required continuation of anti-diabetic treatment despite discontinuation of the suspect drug.
PBKD 161 5.8.2004	**"Use of Thiomersal in Vaccines - An Update"** Mesyuarat telah membuat keputusan berikut: i) Penggunaan thiomersal sebagai bahan pengawet dalam persediaan vaksin *(multidose)* boleh dipertimbangkan. ii) Permohonan pendaftaran vaksin yang mengandungi thiomersal akan dinilai secara "case by case" dengan mengambil kira khususnya efikasi produk dan keperluan kesihatan umum. iii) Kandungan thiomersal (serta bahan pengawet yang lain) perlu ternyata pada label produk dan amaran berkaitan dengan "risk of sensitization in relation to thiomersal and other preservatives" perlu ditambahkan dalam sisip bungkusan produk. iv) Selaras dengan sasaran global untuk menurunkan pendedahan kepada merkuri, persediaan vaksin tanpa thiomersal ataupun yang mengandungi kuantiti thiomersal yang paling rendah sekali adalah digalakkan.
	"Product Authentication" : Penggunaan "security label" oleh Syarikat Mediharta Sdn Bhd. Mesyuarat bersetuju bahawa: (i) Tarikh implementasi mandatori bagi penggunaan label Meditag adalah **1hb. Januari 2005** untuk produk bukan jenis suntikan *(non-parenterals)*. Semua produk berkaitan yang dikilang atau diimport mulai 1 hb. Januari 2005, untuk pasaran tempatan, harus mempamerkan label Meditag tersebut (tarikh implementasi ditunda kepada **1hb. Mei 2005** seperti yang diputuskan dalam mesyuarat PBKD ke-164 yang diadakan pada 4 November 2004). (ii) Penggunaan label Meditag bagi produk suntikan akan bermula enam (6) bulan kemudian, iaitu pada **1 hb. Julai 2005.** (iii) Produk-produk yang sensitif terhadap pertukaran suhu *(temperature sensitive)* dan perlu pengekalan "cold-chain", seperti vaksin dan keluaran biologikal, adalah **dikecualikan** daripada keperluan pelabelan hologram Meditag. (iv) Penggunaan label Meditag secara sukarela *(voluntary)* boleh dimulakan bila-bila masa. (v) Mediharta adalah bertanggungjawab untuk menjalankan program kesedaran *(awareness programme)* untuk pegawai-pegawai Kementerian Kesihatan Malaysia, pihak industri serta pengguna terhadap penggunaan label Meditag. (vi) Pengumuman media *(media announcement)* akan diadakan mengenai usaha yang sedang dijalankan oleh Kementerian Kesihatan untuk mengatasi masalah produk tidak berdaftar yang makin berleluasa dan peranan label hologram Meditag sebagai salah satu langkah untuk menangani situasi berkenaan.

Jadual 17 : Keputusan Penting PBKD Tahun 2004 (sambungan)

MESYUARAT PBKD	POLISI
PBKD 161 5.8.2004	**Penambahan Ujian Kadmium (Cd) dalam Pengujian Logam Toksik untuk produk Tradisional** Mesyuarat bersetuju dengan cadangan supaya: (i) Memasukkan ujian **kadmium** dalam pengujian produk tradisional dimana had bagi ujian tersebut adalah **0.3mg/kg**. Penambahan ujian cadmium ini akan berkuatkuasa mulai **1hb. Januari 2005.** (ii) Menerima had kawalan kualiti produk tradisional (Quality Control Test specifications for Traditional Medicine Products) seperti dalam Lampiran 1 sebagai spesifikasi yang terkini.
PBKD 165 23.12.2004	**Cadangan untuk mengeluarkan bahan aktif `Hexylresorcinol' dari senarai 'ingredients (active) not allowed to be registered by the Drug Control Authority'.** Mesyuarat mengambil keputusan mengeluarkan bahan aktif 'Hexylresorcinol' dari senarai 'ingredients (active) not allowed to be registered by the Drug Control Authority' seperti mana yang terdapat dalam 'Drug Registration Guidance Document' dan penggunaannya boleh dibenarkan dalam semua sediaan farmaseutikal termasuk sediaan oral berdasarkan alasan seperti berikut: i. Rujukan asas yang digunakan ketika membuat keputusan menghalang penggunaan bahan ini seperti yang dibentangkan dalam Mesyuarat PBKD 28 iaitu Martindale, tidak lagi menyatakan bahawa bahan ini boleh menyebabkan kesan kerengsaan (irritation) pada kulit dan mukosa oral kecuali dalam kepekatan yang tinggi. ii. Sediaan Hexylresorsinol Lozenges merupakan sediaan yang dinyatakan dalam monograf rasmi United States Pharmacopoea edisi terkini. iii. Sediaan Hexylresorcinol Lozenges telah didaftarkan dan dipasarkan di banyak negara di dunia termasuk Australia,Kanada, United Kingdom dan United States of America. iv. Sediaan Lozenges yang mengandungi bahan aktif dari kumpulan yang sama iaitu 'phenolic antiseptics' seperti Amylmetacresol telah didaftarkan dan dipasarkan di Malaysia. **Tambahan Amaran Berkaitan dengan "Suicidality in Children and Adolescents Treated with Antidepressants".** Mesyuarat bersetuju bahawa: (i) Amaran yang perlu dimuatkan di bawah bahagian "Warning" adalah seperti berikut diwajibkan dimuatkan pada sisip bungkusan semua keluaran yang merupakan "antidepressant': **Suicidality in Children and Adolescents** • Antidepressants increase the risk of suicidal thinking and behavior (suicidality) in children and adolescents with major depressive disorder (MDD) and other psychiatric disorders. • Anyone considering the use of an antidepressant in a child or adolescent for any clinical use must balance the risk of increased suicidality with the clinical need. • Patients who are started on therapy should be observed closely for clinical worsening, suicidality, or unusual changes in behavior. • Famillies and caregivers should be advised to closely observe the patient and to communicate with the prescriber. • A statement regarding whether the particular drug is approved for any pediatric indication(s) and, if so, which one(s). (ii) Pemegang pendaftaran produk perlu mengkaji kesesuaian penggunaan "Medication Guides" (MedGuides) sepertimana diamalkan di Amerika Syarikat. Tujuan MedGuides ini ialah untuk menyampaikan maklumat kepada pesakit dan penjaga berkaitan dengan kesan advers "suicidality" ini dan perlu diberi semasa ubat dibekalkan. MedGuides yang diubahsuaikan untuk penggunaan di Malaysia perlu dikemukakan kepada PBKD untuk penyemakan sebelum diedarkan.

Jadual 17 : Keputusan Penting PBKD Tahun 2004 (sambungan)

MESYUARAT PBKD	POLISI
PBKD 165 23.12.2004	**"New information regarding cardiovascular safety of Celebrex (Celecoxib), Bextra (Valdecoxib) and Naproxen"** Mesyuarat telah membincangkan perkara di atas dan bersetuju: **(i) CELEBREX:** Selaras dengan tindakan yang telah diambil oleh USFDA, PBKD bersetuju bahawa surat "Dear Health Professional" dikeluarkan oleh pemegang pendaftaran untuk maklumkan perkara ini kepada profesional kesihatan. Amaran berikut seperti mana dikeluarkan oleh USFDA juga perlu dipaparkan pada laman web BPFK: Based on emerging information, including preliminary reports from one of several long term National Institutes of Health (NIH) prevention studies, the risk of cardiovascular events (composite endpoint including MI, CVA and death) may be increased in patients receiving Celebrex. Subsequently, the DCA will be analyzing all available information from these studies to determine whether additional regulatory action is needed. **(ii) NAPROXEN:** Selaras dengan tindakan yang telah diambil oleh USFDA, PBKD bersetuju agar maklumat berikut dipaparkan melalui laman web BPFK untuk maklumat profesional kesihatan dan juga orang awam: Patients who are currently taking naproxen products should be advised to carefully follow the instructions on the label and not to exceed the recommended doses for naproxen (220 milligrams twice daily). Naproxen should not be taken for longer than ten days unless a physician directs otherwise. **(iii) BEXTRA:** Selaras dengan tindakan yang diambil oleh USFDA, amaran berkaitan kesan sampingan "Steven-Johnson Syndrome and Toxic Epidermal Necrolysis" dan risiko cardiovascular perlu dimuatkan pada sisip bungkusan produk di Malaysia juga.
	"Iressa : New finding from ISEL study" PBKD dalam mesyuaratnya kali ke 150 telah meluluskan permohonan pendaftaran produk Irresa. Walaubagaimanapun maklumat terbaru mengenai produk Iressa dari "ISEL clinical study" menunjukkan bahawa keberkesanan produk diragui. Mesyuarat mengambil keputusan berikut: a. Mendapatkan hasil kajian percubaan klinikal yang dijalankan. b. Mendapatkan maklumat dan data tambahan berkaitan memandangkan kelulusan pendaftaran tidak berdasarkan maklumat dan data untuk pesakit Caucasian atau Oriental. c. Selaras dengan tindakan yang telah diambil oleh USFDA, meminta syarikat memberhentikan promosi produk.

aktiviti sosial

PERSATUAN SURI DAN ANGGOTA WANITA PERKHIDMATAN AWAM (PUSPANITA)

Sejumlah kakitangan wanita BPFK menganggotai Persatuan Suri Dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam atau ringkasnya PUSPANITA Cawangan Kementerian Kesihatan Malaysia dan dipertanggungjawabkan untuk menerajui Biro Pendidikan.

Puan Eishah Abdul Rahman, Timbalan Pengarah BPFK telah dilantik sebagai Pengerusi PUSPANITA BPFK. Beberapa aktiviti seperti dalam Jadual 18 telah dijalankan sepanjang tahun 2004:

Jadual 18 : Aktiviti PUSPANITA BPFK

TARIKH	AKTIVITI
Januari	Jamuan Perpisahan Pn. Jamilah (Pengerusi PUSPANITA)
April	Kursus Jenazah & Pesta Tupperware
Jun	Pameran & Jualan Barangan Jenama “Natasha”
Julai	Pasaria & Demonstrasi Periuk Elektrik oleh “Graes Appliances”
September	Pemilihan Pelajar-pelajar Cemerlang
November	Tadarus Al-Quran & Pertandingan Bowling

Kelab BPFK

BPFK juga telah menubuhkan Kelab BPFK dengan ahli berdaftar berjumlah 181 orang sehingga September 2004. Biro sukan telah mengadakan Hari Sukaneka untuk para ahlinya di BPFK (gelanggang bola tampar-Blok B1 & B2) pada 9 Oktober 2004 (Sabtu). Sementara itu, Biro Pendidikan telah mengadakan majlis penganugerahan sijil dan hadiah kepada anak-anak ahli Kelab BPFK yang cemerlang dalam peperiksaan UPSR, PMR dan SPM bagi tahun 2003. Biro Sosial pula telah membuat perancangan bagi pakej pelancongan ke Pulau Redang dan Padang/Bukit Tinggi, Indonesia tetapi telah dibatalkan atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan.

Jasamu Dikenang

Pada tahun 2004, sejumlah 20 orang kakitangan telah meninggalkan BPFK sama ada kerana bersara, bertukar atau meletak jawatan. Tuan Hj. Normal Shariff dan Datin Hjh. Hasiah Hj. Abdullah telah bersara sebagai Pengarah BPFK masing-masing pada 1 Februari 2004 dan 31 Disember 2004. Sementara itu, Puan Tang Poh Yoong, seorang Pembantu Tadbir dari Pusat Amalan Perkilangan Baik juga turut bersara pada 30 Julai 2004.

Terdapat 16 orang pegawai BPFK yang telah bertukar tempat bertugas seperti berikut:

BIL.	NAMA	JAWATAN	TARIKH (TEMPAT BARU)
1.	En. Hj. Abdul Rahman Kassim	Penyelenggara Stor	12.1.2004 (Hospital Serdang)
2.	Pn. Haslina Ithnin	Pembantu Tadbir	16.1.2004 (KKM)
3.	En. Chua Kong Seng	Pegawai Farmasi	1.3.2004 (Kedah)
4.	Pn. Noraizan Che Mel	Pembantu Tadbir	8.3.2004 (Kelantan)
5.	Pn. Kamarolaini Sapiei	Pembantu Tadbir	26.4.2004 (Pusat Darah Negara)
6.	Cik Siti Hajar Paiman	Operator Mesin Pemprosesan Data	1.5.2004 (Putrajaya)
7.	Cik Wahida Ramli	Penolong Pegawai Perangkaan	17.5.2004 (Putrajaya)
8.	Pn. Siti Aisah Bahari	Pegawai Farmasi	1.7.2004 (Hospital Ampang)
9.	Pn. Mahani Mahmud	Pegawai Farmasi	2.8.2004 (Bahagian Perkhidmatan Farmasi)
10.	Pn. Asmawiza Ghazali	Pembantu Farmasi	2.8.2004 (Hospital Serdang)
11.	Pn. Sarijah Awang	Pembantu Farmasi	2.8.2004 (Kolej Pembantu Farmasi, Sg. Buloh)
12.	Pn. Tan Lie Sie	Pegawai Farmasi	1.11.2004 (Johor)
13.	Pn. Sharifah Hj. Abdul Rahman	Pembantu Farmasi	22.11.2004 (Terengganu)
14.	En. Ramli Zainal	Pegawai Farmasi	1.3.2004 (KKM - Cuti Belajar)
15.	Cik Roshayati Mohd. Sani	Pegawai Farmasi	1.3.2004 (KKM - Cuti Belajar)
16.	Pn. Noorul Akmar Mohd. Nor	Pegawai Farmasi	1.3.2004 (KKM - Cuti Belajar)

Puan Suriani Ibrahim dari Pusat Pasca Pendaftaran Produk telah mengambil keputusan meletak jawatan sebagai Pegawai Farmasi pada 15.04.2004 dan beliau memilih untuk bekerja sendiri.

Kepada semua pegawai yang telah meninggalkan BPFK, diucapkan selamat maju jaya dan berbahagia dalam menjalani kehidupan ini. Segala khidmat dan jasa bakti yang telah dicurahkan oleh semua kepada BFPK selama ini amatlah dihargai dan akan dikenang untuk selamanya











Ucapan Datin








aktiviti lain

Aktiviti Lain

Dalam tahun 2004, selain daripada aktiviti utama yang dijalankan oleh BPFK, terdapat aktiviti-aktiviti lain yang dijalankan untuk melicin serta melancarkan pelaksanaan dan mengatasi masalah-masalah yang mungkin timbul apabila sesuatu prosedur atau polisi baru diperkenalkan. Beberapa aktiviti yang telah dijalankan adalah seperti berikut:

GERAK KERJA ONLINE

- **Pharmaceutical TWG-Joint Online Task Force** telah bermesyuarat sebanyak empat kali sepanjang tahun 2004. Kumpulan gerak kerja ini diwakili oleh pegawai dari BPFK, Technology Innovation Resources (TIR), Pharmaceuticals Association Malaysia (PhAMA) serta Malaysian Organisation of Pharmaceutical Industries (MOPI). Objektif kumpulan kerja ini adalah untuk mengenalpasti dan membantu mengatasi beberapa masalah dan isu yang dikemukakan oleh pihak industri dalam pelaksanaan sistem o-line seperti masalah kad pintar pemegang utama, kad suplementari, bayaran, klasifikasi produk online, kerahsiaan data dan lain-lain.

- Sepanjang tahun 2004, **Traditional TWG-Joint Online Task Force** pula telah bermesyuarat sebanyak dua kali. Kumpulan gerak kerja ini terdiri daripada pegawai dari BPFK, TIR, Persatuan Pengeluar Ubat Tradisional Melayu Malaysia (PURBATAMA), Majlis Perubatan Homeopathy Malaysia (MPHM), Persekutuan Perubatan Tradisional Melayu Malaysia (PUTRAMAS), Pertubuhan Perubatan Tradisional India Malaysia (PEPTIM), "Federation of Chinese Physicians & Medicines Dealers Association Malaysia (FCPMDAM)", Persatuan Pengeluar Ubat China Malaysia (PPUCM) dan MOPI. Melalui mesyuarat yang dijalankan, isu-isu berkaitan dengan pendaftaran secara online seperti masalah 'server Quest 2', 'product updating', 'variation' (pindaan) dan sebagainya telah dikenalpasti dan dibincangkan supaya masalah yang dihadapi dapat diatasi.

- Mesyuarat **'Task Force'** Kosmetik telah diadakan sebanyak dua kali sepanjang 2004 dan ahli terdiri daripada wakil BPFK dan Persatuan Kosmetik, Dandanan Diri & Haruman Malaysia (CTFA). Mesyuarat ini pula membincangkan dengan terperinci tentang isu-isu pendaftaran secara online serta masalah yang dihadapi dengan sistem Quest 2. Pihak TIR akan dipanggil untuk turut serta jika melibatkan masalah dengan 'front-end' sistem Quest 2.

KAJIAN SEMULA GARIS PANDUAN PENDAFTARAN

Garis Panduan Pendaftaran produk farmaseutikal baru telah mula diimplementasikan pada April 2004 dan ia dikenali sebagai **Dokumen Garis Panduan Pendaftaran Farmaseutikal**. Dengan penguatkuasaan ini, Garis Panduan Permohonan Pendaftaran Produk Farmaseutikal sedia ada (Edisi 1993) dan garis panduan Permohonan Pendaftaran

Keluaran Ubat Tradisional, 1998 adalah terbatal. Sebelum dimuktamadkan, draf garis panduan yang dikajisemula diedarkan untuk ulasan dan satu konsensus dengan pihak industri diadakan pada awal tahun 2004 bagi mendapatkan persetujuan berkenaan garis panduan untuk pendaftaran secara online.

Selaras dengan perancangan untuk melaksanakan skim harmonisasi ASEAN atas keluaran farmaseutikal, pihak BPFK telah mengambil langkah untuk mengguna-pakai ASEAN Common Technical Dossier (ACTD) dan ASEAN Common Technical Requirements (ACTR) bagi tujuan permohonan pendaftaran produk farmaseutikal. Penyediaan garis panduan baru juga telah mengambil kira perkembangan terbaru dalam arena regulatori di peringkat global. Garis panduan terbaru ini telah mengambilkira keperluan undang-undang seperti ternyata dalam **Sale of Drugs Act 1952** dan **Control of Drugs and Cosmetics Regulations 1984,** namun adalah menjadi tanggungjawab pemohon untuk memastikan keperluan undang-undang seperti **Dangerous Drugs Act 1952, Poisons Act 1952, Medicine (Advertisement & Sale) Act 1956, Patent Act 1983** serta lain-lain yang berkaitan dipatuhi.

KUMPULAN KERJA TEKNIKAL

Kumpulan Kerja Teknikal (TWG) merupakan satu kumpulan kerjasama teknikal yang melibatkan pegawai-pegawai BPFK serta wakil-wakil pihak industri yang pakar dalam bidang regulatori dan teknikal. TWG yang merangkumi beberapa skop dibahagikan kepada beberapa kumpulan kecil yang mempunyai peranan spesifik berdasarkan bidang keutamaan yang memerlukan kajian terperinci dan mengkaji dengan mendalam aspek-aspek berkaitan keperluan pendaftaran.

- Garis Panduan Permohonan Pindaan Keluaran Berdaftar dan Garis Panduan Permohonan Lesen Import Percubaan Klinikal adalah hasil TWG Farmaseutikal bagi tahun 2004.

- Sepanjang tahun 2004, mesyuarat **Jawatankuasa Kerja Teknikal Kosmetik (Cosmetic-TWG)** telah diadakan sebanyak tiga kali. Ahli terdiri daripada wakil dari BPFK, Persatuan Kosmetik, Dandanan Diri & Haruman Malaysia (CTFA) dan Kumpulan Industri Kosmetik dan Dandanan Diri Malaysia (FMM-MCTIG). Mesyuarat ini membincangkan isu-isu berkaitan dengan pendaftaran produk kosmetik, dari segi keperluan pendaftaran, badan yang mengeluarkan GMP dan CFS dan isu-isu spesifik serta isu-isu semasa mengenai produk kosmetik.

Anugerah & Penghargaan
Awards & Recognition

Anugerah Inovasi Perkhidmatan Awam 1995

Public Service Innovation Award 1995

Sijil Penghargaan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia atas kejayaan menerima Anugerah Inovasi Perkhidmatan Awam 1995

Certificate of Recognition from Ministry of Health Malaysia for being awarded The Public Service Innovation 1995

SIJIL PENDAFTARAN SISTEM KUALITI
Quality System Registration Certificate

SIRIM QAS International Sdn. Bhd. dengan ini mengesahkan bahawa
SIRIM QAS International Sdn. Bhd. hereby certifies that
BIRO PENGAWALAN FARMASEUTIKAL KEBANGSAAN
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
JALAN UNIVERSITI
46730 PETALING JAYA SELANGOR DARUL EHSAN
MALAYSIA

telah melaksanakan Sistem Kualiti yang menepati
has implemented a Quality System complying with

MS ISO 9002 : 2000 Quality Management Systems - Requirements

Skop Pendaftaran
Scope of Registration

PENGAWALAN PRODUK FARMASEUTIKAL, UBAT TRADISIONAL DAN KOSMETIK MELALUI AKTIVITI PENDAFTARAN, PERLESENAN DAN SURVEILANS.

Hj. Ab. Rasak bin Salim
Pengarah Eksekutif
Executive Director
SIRIM QAS International Sdn. Bhd.

Dato' Dr. Mohd. Ariffin bin Hj. Alon
Pengerusi
Chairman
SIRIM QAS International Sdn. Bhd.

Tarikh Pensijilan : 25 May 2001
Certification Date :

Sah Sehingga : 24 May 2007
Expiry Date :

No. Siri : 1110
Serial No. :

Sijil Pendaftaran Sistem Kualiti MS ISO 9002: 1994 (2001); MS ISO 9001:2000 (2003)

Quality System Registration Certificate MS ISO 9002:1994 (2001); MS ISO 9001:2000 (2003)

SIJIL PENDAFTARAN SISTEM KUALITI
Quality System Registration Certificate

SIRIM QAS Sdn. Bhd. dengan ini mengesahkan bahawa
SIRIM QAS Sdn. Bhd. hereby certifies that
BIRO PENGAWALAN FARMASEUTIKAL KEBANGSAAN
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
JALAN UNIVERSITI
46730 PETALING JAYA SELANGOR DARUL EHSAN
MALAYSIA

telah melaksanakan Sistem Kualiti yang menepati
has implemented a quality system complying with

MS ISO 9002 : 1994 Quality Systems - Model for Quality Assurance in Production, Installation and Servicing.

Skop Pendaftaran
Scope of Registration

PENGAWALAN PRODUK FARMASEUTIKAL DAN UBAT TRADISIONAL MELALUI AKTIVITI PENDAFTARAN, PERLESENAN DAN SURVEILANS.

Dr. Mohd. Yusoff Zakaria
Pengerusi
Chairman
Jawatankuasa Penasihat Pensijilan
Certification Advisory Committee

Dato' Dr. Mohd. Ariffin bin Hj. Alon
Pengerusi
Chairman
SIRIM QAS Sdn. Bhd.

Tarikh Pensijilan : 25 May 2001
Certification Date

Sah Sehingga : 15 December 2003
Expiry Date

No. Siri : 6716
Serial No. :

Sijil Penghargaan

Dengan sukacitanya
Kementerian Kesihatan Malaysia
menganugerahkan sijil penghargaan ini
kepada

BAHAGIAN BIRO PENGAWALAN FARMASEUTIKAL KEBANGSAAN

Kerana telah menerima

ANUGERAH PERSIJILAN MS ISO 9001: 2000
KATEGORI AGENSI

Pada tahun

2004

DATO' DR. CHUA SOI LEK DPN3, PIS, PPN
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

Sijil Penghargaan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia atas kejayaan menerima Pensijilan MS ISO 9001:2000 pada tahun 2004

Certificate of Recognition from Ministry of Health Malaysia for being certified for MS ISO 9001:2000 in 2004

Naib Johan Kedua bagi Anugerah Kualiti Laman Web pada tahun 2001

Second Runner Up for The Web Site Quality Award in 2001



WORLD HEALTH ORGANIZATION

ORGANISATION MONDIALE DE LA SANTE

REGIONAL OFFICE FOR THE WESTERN PACIFIC
BUREAU REGIONAL DU PACIFIQUE OCCIDENTAL

Dr Anis bin Ahmad
Director
National Pharmaceutical
Control Bureau
Jalan Universiti
P. O. Box 319
46730 Petaling Jaya
Malaysia

10 May 1996

Dear Dr Anis,

I have pleasure in informing you that the World Health Organization, after consultation with your Government, has designated the National Pharmaceutical Control Bureau as a WHO Collaborating Centre for Regulatory Control of Pharmaceuticals.

The terms of reference of the Centre will be:

(1) to act as a reference centre and support for matters pertaining to pharmaceutical quality assurance and regulatory affairs;

(2) to continue to collaborate in the current ongoing collaborating project among quality control laboratories of ASEAN countries to produce pharmaceutical reference standards;

(3) to provide training in all aspects of pharmaceutical quality assurance programmes;

(4) to carry out product analyses for reference purposes on behalf of countries lacking quality control laboratories;

(5) to establish a coordinating network for monitoring regulatory matters pertaining to product recall, product defects and other related matters; and

(6) to provide training on computerization on handling drug regulatory matters.

The designation of the National Pharmaceutical Control Bureau as a WHO Collaborating Centre for Regulatory Control of Pharmaceuticals will be effective for a period of four years from the date of this letter.

Yours sincerely,

S.T. Han, MD, Ph.D.
Regional Director

Dilantik sebagai Pusat Kolaboratif WHO bagi Kawalan Regulatori Farmaseutikal pada tahun 1996

Designated as a WHO Collaborating Centre for Regulatory Control of Pharmaceuticals in 1996

PIC/S

Pharmaceuticals Inspection Cooperation Scheme

Ahli PIC/S ke-26 mulai Januari 2002

26th Member of PIC/S since January 2002

National Pharmaceutical Control Bureau
Ministry of Health Malaysia

ANNUAL REPORT 2004

contents

Message From The Director

